(35)
Jabatan Antropologi dan Sosiologi
No. Kelas: 75 Sh
No Perolehan: 7 0815
Tarikh: 12/75

# PERTUBUHAN-PERTUBUHAN SUKARELA - SATU TINJAUN UMUM DIKAWASAN BANDARAN JITRA, KEDAH.

Latihan Ilmiah Bagi Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat-syarat Untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera Dalam Antropoloji Dan Sosioloji

Oleh:
No. Matrik 19614

JABATAN ANTROPOLOJI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR.

OKTOBER 1975

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

# PRAKATA

Penulis Latihan Ilmiah ini adalah bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Antropoloji dan Sosioloji. Penulis memilih pertubuhan-pertubuhan sukarela sebagai bahan kajian kerana memandangkan selama ini amat kurang sekali kajian dan penulisan dalam bidang ini terutamanya di dalam Bahasa Malaysia. Oleh itu adalah diharapkan semoga penulisan ini serba sedikit dapat mengisi kekosongan itu dan dapat pula menarik perhatian orang-orang lain untuk membuat kajian-kajian yang lebih banyak dalam bidang ini.

Oleh sebab kekurangan masa dan bahan-bahan, penulis hanya menumpukan perhatian kepada beberapa buah pertubuhan-pertubuhan sukarela sahaja. Penumpuan penulis hanya dalam satu kawasan kecil sahaja, dan perbincangan yang dibuat adalah atas beberapa aspek daripada persatuan-persatuan itu yang dianggap penting sahaja. Gambaran yang dibuat oleh penulis hanyalah berpandukan kepada data-data dan bahan-bahan daripada 'questionnaire' dan temuramah-temuramah dengan orang-orang yang bersangkutan dengan pertubuhan-pertubuhan ini ditempat kajian ini dibuat.

Akhirnya penulis mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terimakasih kepada penyelia Latihan Ilmiah ini, Encik Tan Keng Sooi yang telah banyak memberikan cadangan, bimbingan dan fikiran dalam menyediakan kertas Latihan Ilmiah ini. Juga penghargaan dan terimakasih diberikan kepada kakitangan dan pegawai Pejabat Penerangan Jitra yang telah

University of Malaya

memberikan maklumat-maklumat yang perlu untuk kajian ini. Seterusnya terimakasih diberikan kepada semua pihak terutama pemimpin-pemimpin dalam sukarela yang telah memberikan kerjasama mereka kepada penulis dalam masa menjalankan kajian ini.

Terimakasih.

JABATAN ANTROPOLOJI DAN SOSIOLOJI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR.

PENULIS

University of Malaya

KANDUNGAN

| | Muka Surat |
|---|---|
| PRAKATA | ii |
| KANDUNGAN | iv |
| DAFTAR JADUAL | vi |
| BAB I PENDAHULUAN | |
| i. Tujuan Kajian | 1 |
| ii. Bidang Kajian | 2 |
| iii. Konsep dan Difinasi | 3 |
| iv. Massalah-massalah | 6 |
| v. Methodoloji | 7 |
| BAB 2 LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN | |
| i. Pengenalan dan Kedudukan Tempat Kajian | 10 |
| ii. Penduduk | 11 |
| a) Ekonomi | 14 |
| b) Sosial dan Politik | 16 |
| BAB 3 PERTUBUHAN-PERTUBUHAN SUKARELA | |
| i. Pertubuhan-pertubuhan Sukarela Di Jitra | 18 |
| ii. Struktur Pertubuhan-pertubuhan Sukarela | 19 |
| iii. Keahlian - Siapa Yang Menyertai | 25 |
| iv. Mengapa Orang Menyertai Pertubuhan-pertubuhan Sukarela | 37 |
| BAB 4 AKTIVITI DAN KEGIATAN PERSATUAN | |
| i. Aktiviti Persatuan-persatuan Sukarela Di Jitra | 49 |
| a) Aktiviti-aktiviti Persatuan Pengakap | 49 |
| b) Aktiviti-aktiviti Gerakan Persatuan Wanita | 52 |
| c) Aktiviti-aktiviti Persatuan Belia 4B Jitra | 57 |

Muka Surat

d) Aktiviti-aktiviti Persatuan Belia Cahaya Purnama (MAYC) 59

e) Aktiviti-aktiviti Asykar Wataniah 60

f) Aktiviti-aktiviti Rela (Ikatan Relawan Raayat) 61

ii. Penyertaan Di Dalam Aktiviti-aktiviti 63

iii. Keewangan Untuk Aktiviti-aktiviti Persatuan 68

BAB 5 PEMIMPIN DAN KEPIMPINAN

i. Pendahuluan 73

ii. Pemimpin Masyarakat 74

iii. Pemimpin-pemimpin Pertubuhan Sukarela 79

iv. Golongan Yang Menjadi Pemimpin 84

v. Kursus-kursus Pemimpin 89

BAB 6 KESIMPULAN: PENILAIAN TERHADAP PENYERTAAN DAN AKTIVITI-AKTIVITI DALAM PERTUBUHAN SUKARELA 93

BIBLIOGRAFI 103

University of Malaya

# DAFTAR JADUAL



| JADUAL | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 2.1 | Taksiran Penduduk Kubang Pasu Bagi Tahun 1970. | 12 |
| 3.1 | Jadual Menunjukkan Lingkungan Umor Yang Ditetapkan Oleh Persatuan-persatuan Dalam Pengambilan Ahli-ahlinya. | 26 |
| 3.2 | Taburan Penyertaan Di Dalam Persatuan Sukarela Dilihat Dari Peringkat-peringkat Umur. | 27 |
| 3.3 | Jenis-jenis Pekerjaan Anggota-anggota Dalam 6 Jenis Pertubuhan Sukarela Di Jitra. | 31 |
| 3.4 | Jadual Menunjukkan Latarbelakang Pelajaran Anggota-anggota Dari 6 Buah Persatuan Sukarela Di Jitra. | 33 |
| 3.5 | Jadual Menunjukkan Pemilihan Sebab-sebab Orang Memasuki Pertubuhan Sukarela. | 38 |
| 3.6 | Jadual Menunjukkan Pekerjaan Anggota-anggota Pertubuhan Sukarela Di Jitra. | 40 |
| 4.1 | Jadual Kadar Kehadhiran Ahli-ahli Dalam Aktiviti-aktiviti Persatuan. | 64 |
| 4.2 | Jadual Menunjukkan Perasaan Dan Nilaian Ahli-ahli Dalam Menyertai Dan Menjalankan Aktiviti-aktiviti Persatuan. | 66 |
| 4.3 | Jadual Menunjukkan Jumlah Yuran Yang Dikenakan Oleh Persatuan. | 70 |
| 5.1 | Jadual Pemilihan Sifat-sifat Yang Dirasakan Patut Dipunyai Oleh Seorang Pemimpin. | 81 |
| 5.2 | Jadual Menunjukkan Taburan Pemimpin Dari Segi Umur. | 85 |
| 5.3 | Jadual Menunjukkan Taburan Pemimpin-pemimpin Dari Segi Pekerjaan. | 87 |
| 5.4 | Jadual Menunjukkan Latarbelakang Pelajaran Pemimpin-pemimpin. | 87 |



University of Malaya

# BAB I

## PENDAHULUAN

### (i) Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk melihat tentang pertubuhan-pertubuhan sukarela dengan penyertaan orang ramai di dalamnya. Penulis sebenarnya meninjau dan cuba membuat penghuraian mengenai beberapa aspek daripada pertubuhan-pertubuhan sukarela ini. Disini penulis hanya akan cuba menghurai dan membincangkan mengenai pertubuhan-pertubuhan sukarela ini dengan hanya menghadkan kepada beberapa jenis daripada pertubuhan-pertubuhan sukarela yang terdapat di Jitra ini sahaja.

Tinjauan yang dibuat adalah mengenai jenis-jenis pertubuhan sukarela yang terdapat di Jitra ini serta bilangan ahli-ahli yang memasuki pertubuhan-pertubuhan ini, atau tegasnya sambutan yang diberikan terhadap pertubuhan-pertubuhan ini. Penulis juga cuba melihat tentang latarbelakang orang-orang yang menyertai pertubuhan-pertubuhan ini serta pemimpin-pemimpinnya. Disamping itu pemerhatian ditumpukan juga untuk mencari sebab-sebab mereka boleh tertarik untuk memasuki pertubuhan-pertubuhan ini. Apakah tujuan mereka menyertai pertubuhan-pertubuhan disebabkan oleh faktor-faktor kesunyian, untuk memenuhi masa lapang atau dengan tujuan-tujuan ekonomi dan politik sebagai misalannya.

Dalam penghuraian dan penganalisaan tajuk ini penulis juga akan menyentuh tentang hubungan-hubungan yang ujud hasil daripada adanya pertubuhan-pertubuhan ini. Apakah pertubuhan-pertubuhan ini sebenarnya berjaya dengan tujuan-tujuan atau matlamatnya melalui aktiviti-aktiviti

yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan ini. Umumnya kajian ini bertujuan untuk melihat pertubuhan-pertubuhan itu, ahli-ahlinya, aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan setakat mana berjayanya pertubuhan-pertubuhan ini dalam memenuhi kehendak masyarakat dan negara seluruhnya.

(ii) <u>Bidang Kajian</u>

Mengenai kajian ini, penulis hanya akan menumpukan pemerhatian kepada beberapa buah pertubuhan sukarela sahaja yang terdapat didalam kawasan bandaran kecil Jitra ini. Dari beberapa buah pertubuhan-pertubuhan inilah nanti akan dilihat dibincangkan tentang aspek-aspek yang akan dikaji tadi. Dengan 6 buah persatuan-persatuan sukarela yang dipilih sebagai 'sample' ini diharapkan dapat digunakan untuk menerangkan serba sedikit tentang pertubuhan-pertubuhan sukarela tadi. Segala contoh dan data-data adalah berdasarkan kepada 6 buah pertubuhan yang dipilih itu.

Kajian ini tidak bertujuan untuk menyokong atau membuktikan mana-mana hipotisis tetapi hanya hanya merupakan satu pengenalisaan umum mengenai persatuan-persatuan sukarela ini. Penulis hanya cuba membuat satu huraian atau penerangan yang agak umum berkenaan dengan pertubuhan-pertubuhan tadi iaitu berdasarkan kepada apa yang penulis dapati daripada pertubuhan-pertubuhan yang ada itu.

Kajian ini hanya ditumpukan ke satu kawasan yang agak kecil iaitu pekan Jitra atau lebih tepat dikatakan kawasan Lembaga Bandaran Jitra. Tentang keanggotaan atau ahli-ahli dalam pertubuhan-pertubuhan ini adalah terdiri dari orang-orang yang tinggal di kawasan

bandaran ini sendiri dan sedikit-sedikit daripada kawasan luar daripada kawasan bandaran, tetapi menjadi ahli dan menghadhiri aktiviti-aktiviti pertubuhan-pertubuhan yang berpusat di kawasan bandaran Jitra ini.

(iii) <u>Konsep dan Difinasi</u>

Adalah agak sukar untuk menentukan dan mendifinasikan pertubuhan-pertubuhan sukarela ini kerana terdapat banyak sekali istilah-istilah di dalam memperkatakan tentang kerja-kerja atau pertubuhan sukarela ini.

> "The terms 'voluntary organisation', 'voluntary society', 'voluntary agency' or 'voluntary association' in the context of social services, are used interchangeably to cover those bodies which provide some form of social services, which control their own policy, and which depent, in part at least, upon financial support from voluntary sources".[1]

Mengenai istilah, penulis akan menggunakan 'pertubuhan sukarela' ataupun 'persatuan sukarela' bagi menggambarkan pertubuhan-pertubuhan yang dikaji. Untuk menentukan tentang pertubuhan sukarela ini penulis akan cuba memberikan difinasi dan konsep mengenainya. Apabila penulis mengatakan pertubuhan sukarela, maka penulis memaksudkannya kepada pertubuhan-pertubuhan dimana penyertaan ahli-ahli di dalamnya adalah secara sukarela dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh mendatangkan manafaat pada diri mereka sendiri dan masyarakat tempatan terutamanya.

---

[1]Madeline Rooff: <u>Voluntary Societies and Social Policy</u>, Routledge and Kegan Paul Ltd. London 1957, M.s. xiii.

"....an organisation which, whether its workers are paid or unpaid, is initiated and governed by its own members without external control, voluntary action is by its very nature local people living in an area, may wish to improve their social condition through voluntary action."[2]

Bagi penulis istilah pertubuhan sukarela ini agak luas penggunaan daripada difinasi yang diberikan oleh Chowdhry tadi dimana persatuan-persatuan sukarela ini termasok persatuan-persatuan yang di-kawal dari luar oleh badan-badan tertentu. Penulis menumpukan pada dua jenis bentuk pertubuhan sukarela iaitu, .... "those where a permanent partnership between government and voluntary activity produces the best results"[3] sebagaimana yang terdapat pada pertubuhan Asykar Wataniah dan Ikatan Relawan Raayat (Rela) misalnya. Jenis yang kedua adalah per-tubuhan sukarela yang berada di bawah kawalan dan kerjasama dari pihak kerajaan tetapi persatuan-persatuan ini menjalankan aktiviti-aktivitinya dengan sendiri.

"....there are those services where voluntary activity, with the assistence of official advice and co-ordination, works best alone. The youth organisations provide a good example here".[4]

Pertubuhan sukarela menjalankan kerja-kerja sosial. Kerja-kerja sosial ini termasuklah kerja-kerja amal untuk menolong orang-orang atau masyarakat sekeliling dan disamping itu ada dijalankan aktiviti-aktiviti yang hanya untuk kepentingan ahli-ahli persatuan itu sendiri.

---

[2]D. Paul Chowdhry: Voluntary Social Welfare In India. Sterling Publishers (P) Ltd. New Delhi, 1971, m.s. 36.

[3]Kathdeen Jones: Social Welfare In Malaya. Donald Moore Ltd. Singapore, 1958, m.s. 14.

[4]Jones, loc. cit.

Secara ringkas dapat dikatakan kerja-kerja amal itu adalah sebahagian daripada aktiviti-aktiviti pertubuhan-pertubuhan itu. Kerja-kerja social atau 'social work' ini merupakan suatu, "...art of bringing various resources to bear on individual group, and community by needs by the application of a scientific method of helping to help themselves".[5]

Dalam 'social work' harus diperhatikan antara 'social casework' dan social groupwork'. Penulis hanya akan menumpukan kepada 'social groupwork' ini, iaitu pertubuhan-pertubuhan dimana ia menolong individu dalam hubungan mereka dengan kumpulan-kumpulan. 'Social groupwork' ini merangkumi aktiviti-aktiviti yang luas seperti hiburan, pelajaran (recreational activities yang dijalankan di dalam masa-masa lapang dengan dikelolakan atau diketui oleh seorang ketua (leader). Pertubuhan-pertubuhan sukarela yang berbentuk 'groupwork' ini didasarkan atas fakta bahawa manusia memerlukan keperluan-keperluan asas (basic needs) dan keperluan-keperluan am (common needs), dan dengan itu diharapkan pertubuhan-pertubuhan ini dapat memenuhi sedikit sebanyak daripada keperluan-keperluan itu.

Apa yang cuba diperhatikan adalah dengan keadaan-keadaan seperti terdapatnya perubahan-perubahan kesan dari faktor-faktor seperti pembandaran dan seumpamanya, perubahan dalam bentuk dan struktur masyarakat menyebabkan institusi-institusi seperti keluarga misalnya tidak dapat lagi memuaskan kehendak-kehendak tadi. Dalam keadaan

---

[5] Hebert Hewitt Stroup. Social Work, An Introduction To The Field. American Book Co. New York, 1960, m.s.

begini pertubuhan-pertubuhan sukarela tadi mungkin dapat berfungsi memenuhi setengah-setengah daripada kehendak-kehendak atau 'needs' tadi.

Penyertaan di dalam persatuan-persatuan sukarela ini adalah dimaksudkan kepada penyertaan individu itu di dalam mana-mana persatuan ini dengan cara yang resmi atau menjadi ahli yang didaftarkan. Menjadi ahli atau anggota pertubuhan-pertubuhan ini bermaana mereka adalah menjadi sebagian daripada pertubuhan-pertubuhan itu dan mempunyai tanggongjawab terhadapnya mengikut kedudukan masing-masing dalam pertubuhan-pertubuhan itu samada sebagai pemimpin atau ahli-ahli biasa.

(iv) <u>Masaalah-masaalah</u>

Masaalah-masaalah dalam menjalankan kajian ini agak rumit. Ini pertamanya disebabkan bidang ini belum begitu banyak dibuat kajian mengenainya. Kekurangan bahan-bahan tulisan dalam bidang ini iaitu tulisan-tulisan yang didasarkan kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela di Malaysia ini menimbulkan sedikit masaalah pada penulis untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan yang bersangkutan dengan pertubuhan-pertubuhan sukarela di Malaysia ini terutamanya tentang pertubuhan-pertubuhan yang dikaji oleh penulis.

Masaalah dalam mendapatkan responden agak rumit, ini adalah disebabkan oleh responden-responden itu terpaksa dipilih daripada orang-orang yang menjadi ahli-ahli persatuan. Jadi penulis hanya mempunyai peluang untuk mengadakan 'interview' dengan responden dimasa-masa persatuan-persatuan itu menjalankan aktiviti-aktivitinya kerana dimasa ini kebanyakan ahli-ahli hadhir. Penulis terpaksa mengambil masa yang agak lama untuk mendapatkan sebanyak 100 responden dari 6 buah persatuan-persatuan.

Suasana semasa interview itu adalah agak kurang memuaskan kerana selalunya dimasa-masa mereka menjalankan aktiviti-aktiviti ini mereka selalunya dalam keadaan sibuk. Hal ini walaubagaimana pun tidak begitu menjadi masaalah kerana kerjasama yang baik diberikan oleh responden-responden ini. Setengah-setengah responden memberi peluang kepada penulis menginterview mereka di rumah atau di tempat-tempat mereka bekerja.

Selain daripada masaalah-masaalah tadi terdapat kesulitan untuk mendapat maklumat-maklumat daripada setengah-setengah pertubuhan seperti pertubuhan Rela sebagai misalnya dimana maklumat-maklumat itu dianggap sulit dan tidak dapat diberikan. Begitu juga dengan ahli-ahli Rela ini tidak dapat memberitahu tentang aktiviti-aktiviti yang mereka jalankan dan seumpamanya.

Walaubagaimana pun masaalah-masaalah ini tidaklah begitu berat, dan walaupun terdapat banyak lagi masaalah-masaalah tetapi itu adalah masaalah yang agak kecil. Penulis dapat mengatasi masaalah kekurangan bahan untuk pertubuhan-pertubuhan seperti Rela tadi misalnya dengan cara merujuk kepada guntingan-guntingan daripada akhbar-akhbar tempatan misalnya. Dalam masaalah untuk mendapat atau memilih responden penulis telah dapat kerjasama yang baik dari setengah-setengah persatuan dimana mereka membenarkan penulis merujuk pada daftar nama ahli-ahli persatuan itu.

(v) <u>Methodoloji</u>

Dalam membuat kajian ini penulis telah menggunakan tiga cara atau method bagi mendapatkan maklumat-maklumat untuk kajian ilmiah

ini iaitu:

a) 'Questionnaires'

b) 'Interview'

c) 'Participant-observation'

a) '<u>Questionnaire</u>'

Penulis telah menyediakan satu questionnaire yang mengandongi 40 soalan-soalan. Soalan-soalan ini adalah merupakan soalan-soalan terbuka, dimana respondent diberi peluang untuk menjawab dengan bebas dan sedikit-sedikit adalah soalan tertutup. Penulis menggunakan questionnaire ini dengan cara mencatitnya atau menyoal perserta-perserta itu mengikut soalan-soalan dalam questionnaire tadi dan disebabkan oleh kesuntukan masa setengah-setengahnya diberikan untuk diisi sendiri oleh respondent-respondent.

b) '<u>Interview</u>'

Penulis telah menggunakan cara interview ini untuk ketua-ketua atau pemimpin-pemimpin dalam pertubuhan-pertubuhan yang dikaji itu. Disamping interview ini penulis juga ada membuat perbincangan-perbincangan secara tidak formal dengan orang-orang yang terlibat dengan pertubuhan-pertubuhan sukarela ini. Dengan itu penulis dapat sedikit sebanyak mengetahui tentang pandangan, sikap dan pergerakan mereka di dalam pertubuhan-pertubuhan itu dengan agak jelas.

c) '<u>Participant Observation</u>'

Usaha untuk mendapat maklumat atau bahan-bahan kajian melalui cara 'participant observation' ini, agak rumit. Penulis hanya

dapat beberapa kali sahaja bergaul dan memerhati tentang pertubuhan-pertubuhan ini semasa menjalankan aktiviti-aktiviti mereka. Walaubagaimana pun dalam masa yang singkat ini penulis telah cuba kadang-kadang turut sama dalam aktiviti-aktiviti setengah-setengah persatuan itu dan yang lainnya setakat memerhati sahaja.

Secara keseluruhannya penulis dapat mengumpulkan bahan-bahan dari 'questionnaire' dari 'interview' bagi membuat penulisan mengenai pertubuhan-pertubuhan sukarela di Jitra ini.

University of Malaya

BAB 2

# LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN

## (i) Pengenalan dan Kedudukan Tempat Kajian

Negeri Kedah terletak di utara Semenanjong Malaysia bersempadankan negeri Perlis di utara dan negeri Perak di bahagian selatannya. Negeri ini dibahagikan kepada 10 buah daerah, dan salah satu daripadanya adalah Daerah Kubang Pasu yang luasnya lebih kurang 365 batu persegi. Terletak hampir-hampir dibahagian tengah Kubang Pasu ini adalah Jitra yang merupakan sebuah pekan kecil. Pekan kecil Jitra ini adalah merupakan pusat pentadbiran bagi daerah Kubang Pasu ini.

Kedudukan pekan kecil Jitra ini adalah lebih kurang 12 batu ke utara Alor Star iaitu ibu negeri Kedah. Dari Alor Star kita boleh sampai ke Jitra dengan menggunakan bas atau teksi. Di Jitra jalan raya daripada Selatan ini berpecah kepada dua cabang atau simpang, satu ke Changloon dan satu lagi ke Perlis. Kita boleh menggunakan jalan ke Changloon ini untuk terus ke Thailand. Di persimpangan jalan yang ber-pecah ke Changloon dan Kangar (Perlis) inilah terletaknya Pekan Jitra itu.

Sesuai sebagai sebuah pusat pentadbiran, Jitra mempunyai Pejabat Daerah, Balai Polis, Mahkamah Rendah, Pejabat Pos, Balai Bomba, Jabatan Parit dan Taliair, dan sebagainya. Kebanyakan pejabat-pejabat ini terletak dikiri-kanan jalan yang menuju ke Changloon. Disamping pejabat-pejabat ini terdapat dua buah sekolah menengah, dua sekolah rendah dan sebuah sekolah jenis kebangsaan China. Terdapat juga sebuah Sekolah Latihan Kesihatan Luarbandar yang juga merupakan tempat bagi

penduduk-penduduk kawasan Jitra dan kawasan-kawasan yang berdekatan mendapatkan kemudahan-kemudahan di bidang kesihatan.

Selain daripada itu terdapat Pejabat Ugama yang menguruskan hal-hal mengenai Ugama Islam bagi penduduk-penduduk Kubang Pasu ini amya. Untuk masaalah-masaalah berkaitan dengan social dan seumpamanya bagi penduduk-penduduk di daerah ini sebuah pejabat Kebajikan Masyarakat diadakan di Jitra ini. Kawasan-kawasan perumahan yang berupa rumah-rumah murah dan sebagainya didirikan untuk menampung keperluan penduduk yang semakin bertambah disamping rumah-rumah kayu yang terdapat disekitar atau dipinggir pekan Jitra ini.

Sebagai sebuah pekan kecil bagi daerah Kubang Pasu ini Jitra boleh dikatakan tempat tumpuan bagi penduduk-penduduk Kubang Pasu ini. Ianya boleh disifatkan sebagai tempat hubungan desa dan pekan kecil. Penduduk-penduduk yang tinggal dikawasan yang dikatakan luar-bandar di daerah ini memerlukan Pekan Jitra ini dalam kontek hubungan desa-pekan tadi walaupun ada pekan-pekan yang lain dalam daerah Kubang Pasu ini.

(ii) <u>Penduduk</u>

Sebelum melihat tentang penduduk di kawasan Jitra ini secara khusus, eloklah diperhatikan tentang keadaan penduduk secara menyeluruh iaitu penduduk bagi daerah Kubang Pasu ini seluruhnya. Hal ini penting kerana Jitra adalah merupakan pusat pentadbiran bagi daerah Kubang Pasu ini. Dilihat pada jumlah penduduk bagi seluruh daerah Kubang Pasu ini, kita dapati bangsa yang paling ramai adalah bangsa

University of Malaya

Melayu yang merupakan 83.98% daripada jumlah penduduk Kubang Pasu, bangsa-bangsa lain adalah cuma lebih kurang 16% sahaja.

JADUAL 2.1

TAKSIRAN PENDUDUK KUBANG PASU BAGI TAHUN 1970

| Keturunan | Lelaki | Perempuan | Jumlah | Peratus |
|---|---|---|---|---|
| Melayu | 50,291 | 49,142 | 99,433 | 83.98% |
| China | 7,249 | 6,671 | 13,920 | 11.75% |
| India | 1,729 | 1,488 | 3,217 | 2.72% |
| Siam dan lain-lain | 947 | 888 | 1,835 | 1.54% |
| Jumlah | 60,216 | 58,189 | 118,405 | 100% |

Sumber: Dengan Ikhsan Pejabat Daerah Jitra.

Ramainya orang-orang Melayu dikawasan ini boleh diterangkan dengan berdasarkan kepada keadaan kawasan ini yang merupakan satu kawasan pertanian iaitu kawasan tanaman padi dan sedikit-sedikit pekebun-pekebun kecil getah. Pekerjaan bersawah pada ini adalah merupakan pekerjaan yang dijalankan oleh orang-orang Melayu. Disebabkan oleh kawasan Kubang Pasu ini adalah kebanyakannya terdiri dari kawasan sawah padi, maka tidak hairanlah kalau penduduk-penduduknya terdiri daripada lebih 80% orang-orang Melayu. Tidak adanya kawasan-kawasan bandar yang besar di daerah Kubang Pasu ini juga merupakan faktor mengapa orang China hanya merupakan lebih kurang 11% daripada penduduk-penduduk di Kubang Pasu ini.

University of Malaya

Bagi kawasan Lembaga Bandaran Jitra, sebagai sebuah kawasan bandaran kecil[1] yang menjadi pusat pentadbiran daerah Kubang Pasu mempunyai penduduk seramai 4,031 orang dengan bilangan tempat kediaman berjumlah 836 buah.[2] Bilangan penduduk dalam kawasan Lembaga Bandaran Jitra ini jika dibandingkan dengan jumlah penduduk Jitra (Mukim) seluruhnya yang berjumlah 7,812 orang dengan tempat kediaman berjumlah 1,722 buah,[3] maka kita dapat melihat yang kawasan bandaran ini merupakan satu kawasan dimana lebih 50% daripada penduduk-penduduk Jitra seluruhnya bertumpu. Walaubagaimana pun perkara ini agak biasa bagi tempat-tempat di Malaysia dimana tumpuan penduduk adalah lebih ramai dan padat di kawasan-kawasan bandar.

Di kawasan Bandaran Kecil Jitra inipun dilihat daripada keadaan penduduk-penduduk mengikut bangsa, kita dapati bangsa Melayu masih merupakan bilangan yang paling ramai. Ini adalah disebabkan oleh kerana keadaan bandaran kecil Jitra ini sendiri yang masih dalam peringkat peralihan. Disamping sifat-sifat yang menunjukkan unsur-unsur kebandaran masih terdapat unsur-unsur yang membawa suasana kampong terutama di kawasan pinggir bandaran kecil ini. Di kawasan ini kebanyakannya adalah didiami oleh orang-orang Melayu. Di kawasan-kawasan perumahan yang baru didirikan juga kebanyakan adalah didiami oleh orang-orang Melayu.

---

[1]Kawasan yang jumlah penduduknya antara 1,000 hingga 9,999 orang di tarrif sebagai kawasan bandaran kecil. Lihat Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970, (Jilid 1) Jabatan Perangkaan Malaysia Kuala Lumpur, m.s. 1.

[2]Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970, (Negeri Kedah - Jilid II) Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur.

[3]Ibid.

Orang-orang China bertumpu di kawasan tengah bandaran kecil ini dimana mereka merupakan peniaga dan pekedai-pekedai.

a) Ekonomi

Keadaan penduduk-penduduk di kawasan bandaran Kecil Jitra ini dapat dijelaskan dengan membincangkannya dari sudut ekonomi. Faktor pekerjaan adalah penting dalam membicarakan berkenaan dengan penduduk-penduduk di kawasan bandar kerana penduduk-penduduknya adalah selalunya terdiri daripada gabongan orang-orang yang menjalankan berbagai-bagai jenis pekerjaan. Tegasnya pekerjaan penduduk-penduduk di bandar adalah 'haterogeneous' atau berbagai-bagai jenis. Ini berbedza dari kawasan-kawasan kampong dimana perbezaan penduduk dari segi pekerjaan adalah kecil kerana kebanyakan masyarakat luarbandar ini menjalankan pekerjaan yang sama iaitu selalunya bergantung pada pertanian.

Bandar Kecil Jitra ini sebagai sebuah kawasan yang masih dalam peringkat peralihan maka kita dapati jenis-jenis pekerjaan penduduk-nya adalah tidak begitu besar perbezaannya jika dibandingkan dengan bandar-bandar besar. Sesuai sebagai pusat pentadbiran Daerah Kubang Pasu, Jitra mempunyai pejabat-pejabat, sekolah, balai polis, pejabat pos, balai bomba dan sebagainya. Bagi pentadbiran berkenaan dengan hal-hal yang bersangkutan dengan pertanian untuk Daerah Kubang Pasu ini terdapat misalnya Jabatan Parit dan Taliair, Mada, Fama, Risda dan seumpamanya. Semua ini adalah ditempatkan di Jitra dan penduduk-penduduk Jitra ini ada-lah kebanyakan terdiri daripada orang-orang yang bekerja dengan badan-badan ini.

Disamping pekerjaan-pekerjaan tadi masih terdapat penduduk-penduduk kawasan Jitra ini yang menjalankan kerja-kerja pertanian. Mereka ini kebanyakan terdiri dari orang-orang Melayu yang bekerja menanam padi di kawasan-kawasan luar bandaran ini dan tinggal di kawasan bandaran. Mereka ini selalunya menjalankan kerja-kerja ini secara sambilan dimana mereka juga bekerja sebagai buruh, tukang kebun ataupun berniaga secara kecil-kecilan di kawasan Jitra ini. Begitu juga dengan orang-orang Siam yang tinggal di kawasan-kawasan pinggir bandaran Jitra ini, mereka menjalankan kerja-kerja bersawah di kawasan-kawasan berdekatan disitu.

Orang-orang India kebanyakannya bekerja sebagai buruh-buruh di Jabatan Kerja Raya dan tinggal di rumah-rumah yang disediakan untuk pekerja-pekerja Jabatan ini. Disamping itu dengan adanya ladang-ladang getah berdekatan dengan Jitra ini menambahkan lagi bilangan orang-orang India di Jitra ini dimana mereka bekerja diladang-ladang ini sebagai buruh. Walaubagaimana pun terdapat dikalangan bangsa India yang berniaga atau bekerja di Jabatan-jabatan Kerajaan disini tetapi pada umumnya kebanyakan daripada mereka adalah bekerja diladang-ladang dan juga buruh Jabatan Kerja Raya tadi.

Penduduk-penduduk berbangsa China di kawasan bandaran Jitra ini selain daripada yang bekerja dengan kerajaan adalah merupakan perniagaadan pekedai-pekedai. Kebanyakan daripada kedai-kedai yang terdapat di kawasan bandaran ini dipunyai oleh bangsa China. Terdapat juga mereka yang menjalankan perniagaan membeli hasil-hasil pertanian dari petani-petani di kawasan Jitra ini, misalnya terdapat kedai-kedai

membeli getah umpamanya. Walaupun mereka tidak bergiat dalam bidang pertanian tetapi mereka ada menjalankan perusahaan-perusahaan perniagaan yang bersangkutan dengan pertanian atau mereka secara tidak langsung juga terlibat dalam usaha-usaha pertanian.

b) Social dan Politik

Dilihat daripada sifat-sifat penduduk yang berbeza-beza dari segi bangsa, jenis-jenis pekerjaan, pendapatan dan sebagainya, maka kita dapati hal-hal ini menyebabkan hubungan antara penduduk-penduduk ini adalah agak longgar. Hubungan-hubungan antara individu-individu ini selain daripada dilonggarkan oleh faktor perbezaan bangsa dan kepercayaan tadi ditambah pula dengan sifat-sifat berlainan pekerjaan dan sebagainya dikalangan bangsa yang sama. Walaubagaimana pun hubungan secara keseluruhannya adalah baik dan ini dapat diperhatikan daripada keadaan kawasan Jitra ini mengekalkan penduduk-penduduknya dalam keadaan yang aman.

Walaubagaimana pun masih terdapat sedikit-sedikit hubungan yang agak rapat diantara individu-individu terutama yang tinggal di kawasan-kawasan yang berbentuk kampong di dalam kawasan Jitra ini. Begitu juga hubungan antara orang-orang yang tinggal berjiran dan ditambah pula dengan persamaan dari segi pekerjaan boleh menimbulkan hubungan-hubungan yang agak rapat. Selain daripada itu faktor bangsa sedikit-sedikit dapat memperlihatkan satu jenis hubungan yang agak baik ditambah pula dengan persamaan di dalam sistem kepercayaan umpamanya.

Pada umumnya kalau dibandingkan hubungan-hubungan antara individu dalam masyarakat bandaran Jitra ini dengan kawasan-kawasan

perkampongan maka kita dapati masyarakat dalam kawasan bandaran ini banyak berbeza, terutama tentang mana individu-individu dalam masyarakat bandaran Jitra ini telah mula memperlihatkan unsur-unsur individualistik di dalam ertikata mereka tidak begitu mengambil berat tentang nilai-nilai, norma atau adat-adat seperti dalam masyarakat kampong. Mereka telah merasakan yang diri mereka tidak lagi terikat dengan adat atau norma-norma social yang formal sebagaimana yang terdapat dalam masyarakat kampong.

Dari segi ugama masih terdapat perbezaan ugama Islam merupakan ugama yang dianuti oleh orang-orang Melayu, Buddha dikalangan orang-orang Siam dan sedikit-sedikit dari kalangan orang-orang China, Hindu dikalangan orang-orang India dan sebagainya, maka kita dapati adanya bermacam-macam kebudayaan dan cara hidup yang berbeza-beza antara golongan-golongan ini. Perbezaan-perbezaan ugama dan kebudayaan ini tidak menimbulkan apa-apa masaalah kerana masing-masing bangsa menghormati ugama dan kebudayaan bangsa-bangsa lain.

BAB 3

PERTUBUHAN-PERTUBUHAN SUKARELA

(i) <u>Pertubuhan-pertubuhan Sukarela di Jitra</u>

Kawasan bandaran kecil Jitra ini, sama perti kawasan-kawasan bandar lain di Malaysia mempunyai penduduk yang terdiri berbagai bangsa. Oleh itu kita dapati banyak sekali persatuan-persatuan, baik yang mengandungi ahli berbagai bangsa mahupun yang hanya terdiri dari satu bangsa tertentu. Penulis tidak akan membincangkan semua jenis-jenis pertubuhan yang terdapat itu, tetapi akan menitikberatkan kepada hanya enam buah persatuan yang dipilih, walaupun sebenarnya bilangan ini adalah kecil dibandingkan dengan jumlah persatuan-persatuan yang terdapat di Jitra ini. Dalam pada itu tidak pula bermasna Jitra mempunyai semua pertubuhan-pertubuhan sukarela yang terdapat di negara ini.

Persatuan atau pertubuhan-pertubuhan yang dipilih ini adalah merupakan persatuan-persatuan yang dianggap membawa tujuan atau kebaikan yang agak umum. Maksudnya segala tujuan-tujuan persatuan-persatuan ini adalah tidak begitu jelas dipaparkan untuk satu-satu tujuan utama, misalnya persatuan khusus untuk tujuan politik dan seumpamanya. Persatuan-persatuan yang penulis gunakan sebagai 'sample' ini adalah persatuan-persatuan yang boleh membawa banyak kebaikan-kebaikan pada masyarakat setempat umumnya. Berdasarkan kepada hal-hal ini maka penulis memilih enam buah persatuan-persatuan iaitu:

1. Persatuan Pengakap Kelana 'A' Jitra
2. Gerakan Pertubuhan Wanita

University of Malaya

3. Pertubuhan Belia 4B Jitra

4. Persatuan Belia Cahaya Purnama (MAYC)

5. Angkar Matamiah

6. Ikatan Relawan Rakyat (RELA)

Enam buah persatuan atau pertubuhan yang dipilih ini merupakan pertubuhan yang agak besar, dan ahli-ahlinya walaupun hampir kesemuanya terdiri daripada orang-orang Melayu[1] tetapi disertai oleh berbagai-bagai golongan.[2] Persatuan-persatuan ini adalah merupakan salah satu cabang atau cawangan daripada satu pertubuhan yang besar di-mana melibatkan seluruh negara. Persatuan-persatuan ini ditubuh khas untuk penduduk-penduduk kawasan Jitra ini. Pengkaji memang bertujuan untuk melihat bagaimana keadaan persatuan-persatuan ini dengan menumpukan perhatian pada orang Melayu dalam menyertai persatuan-persatuan sukarela ini. Jadi pemilihan 6 buah persatuan-persatuan tadi dirasakan dapat memenuhi tujuan ini.

(ii) Struktur Pertubuhan-pertubuhan Sukarela

Pertubuhan-pertubuhan sukarela yang penulis pilih ini adalah pertubuhan-pertubuhan yang merupakan satu unit kecil daripada pertubuhan-pertubuhan yang besar dimana melibatkan seluruh negara. Persatuan-persatuan ini berpunca daripada peringkat negara, berpecah ke-

---

[1] Bilangan orang-orang yang berbangsa lain daripada Melayu amat kurang kerana mereka ada persatuan-persatuan mereka sendiri.

[2] Golongan dimaksudkan pada perbezaan dari segi umur, pekerjaan, status dan sebagainya.

University of Malaya

peringkat negeri, daerah dan seterusnya dipecahkan ke unit-unit kecil mengikut tempat-tempat dalam satu-satu daerah itu. Jadi 6 buah persatuan yang dikemukakan tadi adalah merupakan unit-unit terkecil dari 6 buah persatuan besar yang melibatkan seluruh negara.

Disebabkan oleh keadaan persatuan-persatuan ini yang mempunyai struktur yang hampir serupa, maka penulis akan menghuraikan bentuk atau struktur persatuan-persatuan ini secara umum, atau dengan lain-lain perkataan bentuk atau struktur yang dibincangkan ini adalah mewakili ke enam-enam buah persatuan tadi. Daripada persatuan-persatuan tadi, diperingkat paling bawah adalah terdiri daripada ahli-ahli biasa persatuan itu. Kemasukan menjadi ahli ini adalah terbuka kepada ramai di bawah syarat-syarat tertentu mengikut persatuan itu. Setengah - setengah persatuan mengenakan yuran untuk menjadi ahli atau adanya had umor yang ditetapkan.

Apabila terbentuknya persatuan-persatuan ini, dengan adanya ahli-ahli tadi, maka ditubuhkan satu jawatankuasa untuk mentadbir dan mengendalikan persatuan-persatuan itu. Ahli-ahli jawatankuasa ini adalah terdiri daripada anggota-anggota persatuan itu sendiri yang dipilih oleh ahli-ahli mengikut keputusan suara terbanyak. Pemilihan ini dibuat dalam satu masyuarat agong dimana setiap ahli adalah mempunyai peluang membuat pilihan untuk melantik ahli-ahli jawatankuasa persatuan-persatuan itu. Setelah pemilihan ini dibuat, ujudlah satu struktur atau susunan ahli-ahli di dalam persatuan itu mengikut kedudukan jawatan dan tugas masing-masing.

Di dalam persatuan-persatuan ini, melalui pemilihan-pemilihan tadi terdapat jawatan-jawatan pengerusi, penolong pengerusi,

University of Malaya

setiausaha, penolong setiausaha, bendahari dan diikuti oleh beberapa orang ahli-ahli jawatankuasa. Jawatan-jawatan ini disamping menentukan tugas-tugas yang harus dijalankan memperlihatkan juga tentang kedudukan seseorang itu dalam persatuan-persatuan ini. Pengerusi menduduki tempat paling atas diikuti oleh penolong pengerusi, setiausaha, penolong setiausaha, bendahari dan ahli-ahli jawatankuasa, sementara ahli-ahli biasa yang merupakan kumpulan yang paling ramai berada di peringkat paling bawah. Dari sini dapat dilihat adanya satu susunan yang merupakan satu hiraki di dalam persatuan itu sendiri.

Ujudnya struktur atau susunan kedudukan seseorang dalam persatuan-persatuan itu menentukan tugas-tugas yang harus dijalankannya. Pengerusi dan naib pengerusi di peringkat paling atas mempunyai tanggongjawab seluruhnya ke atas persatuan itu. Ia mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat dan segala halehwal mengenai perjalanan dan kedudukan persatuan itu harus dalam pengetahuannya, atau dengan lain-lain perkataan pengerusi adalah ketua bagi persatuan itu yang harus menjaga atau mengambil tahu setiap hal mengenai persatuannya.

Setiausaha dan penolong setiausaha menjalankan tugas-tugas berhubung dengan soal surat menyurat. Ia mencatit segala minit-minit mesyuarat, aktiviti-aktiviti persatuan dan semua tugas-tugas yang merupakan lapuran-lapuran persatuan itu. Pendek kata segala halehwal mengenai surat menyurat adalah di bawah kelolaan setiausaha. Bendahari pula ditugaskan untuk mengurus segala hal yang bersangkut-paut dengan keewangan persatuan. Segala wang masok dan keluar adalah melalui bendahari.

Ahli-ahli jawatankuasa yang terdiri dari beberapa orang,

selalunya 4 hingga 6 orang berfungsi sebagai penolong-penolong kepada pengerusi dan setiausaha. Dalam persatuan-persatuan, mereka ditugaskan untuk menjadi ketua di dalam bahagian-bahagian tertentu. Dalam mentadbir persatuan-persatuan golongan inilah yang diberi kesempatan bersama-sama dengan pengerusi, setiausaha dan bendahari untuk bermesyuarat dan membuat keputusan-keputusan tertentu tentang perjalanan persatuan-persatuan itu.

Golongan terbanyak yang terdiri daripada ahli-ahli biasa merupakan orang-orang yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang dan disyorkan oleh golongan ahli-ahli jawatankuasa tadi. Mereka ini merupakan pengikut-pengikut, tetapi walaubagaimana pun mereka mempunyai kuasa-kuasa tertentu seperti mempunyai suara dan hak dalam masa-masa seperti mesyuarat agong misalnya. Mereka juga mempunyai hak untuk menyuarakan pendapat-pendapat mereka dan juga kuasa dalam membuat pilihan ahli-ahli jawatankuasa melalui suara terbanyak ahli-ahli.

Sebagaimana yang disebutkan tadi, persatuan-persatuan ini tidak ujud sebagai unit yang terasing atau tersendiri. Persatuan-persatuan ini bergabung pula dengan persatuan-persatuan ditempat lain didaerah Kubang Pasu ini membentuk satu persatuan daerah. Persatuan Belia 4B Jitra misalnya bersama-sama dengan semua persatuan-persatuan belia Daerah Kubang Pasu bergabong mengujudkan persatuan belia 4B Daerah Kubang Pasu. Begitu juga halnya dengan persatuan-persatuan lain seperti Persatuan Pengakap, Gerakan Persatuan Wanita dan sebagainya. Dengan gabongan ini ujudlah satu persatuan yang agak besar dimana mereka bekerjasama menjalankan satu-satu projek yang lebih besar.

University of Malaya

Dengan terbentuknya gabongan persatuan daerah itu maka ujudlah pula satu struktur baru, dimana adanya pula susunan orang-orang yang menduduki jawatan pengerusi, setiausaha dan sebagainya yang mengendali atau menjadi ketua untuk persatuan-persatuan itu diperingkat daerah. Kedudukan golongan ini adalah lebih tinggi daripada kedudukan ketua-ketua dalam persatuan peringkat tempatan tadi. Ketua-ketua peringkat daerah ini mengawal dan mengendalikan kerja-kerja untuk faedah semua persatuan-persatuan peringkat tempatan atau cawangan-cawangan tadi.

Proses gabongan ini berlanjutan hingga keperingkat negeri, iaitu hasil daripada gabongan persatuan-persatuan daerah ini. Dalam peringkat ini sama seperti peringkat-peringkat daerah dan cawangan tempatan tadi, kedapatan ahli jawatankuasa-jawatankuasa peringkat negeri dimana tugasnya adalah merangkumi semua persatuan-persatuan daerah dan cawangan tadi, dan dengan itu kedudukan mereka-mereka ini adalah lebih tinggi dari ketua-ketua peringkat daerah tadi. Keadaan ini berlanjutan hingga keperingkat negara dimana semua persatuan-persatuan peringkat negeri tadi membentuk satu persatuan peringkat negara. Diperingkat negara persatuan-persatuan itu diletakkan di bawah kementerian-kementerian yang tertentu.

Satu perkara yang harus diingatkan adalah tentang adanya pemimpin-pemimpin atau ketua-ketua pentadbir untuk persatuan-persatuan ini yang dipilih atau dilantik oleh kerajaan bagi menjaga dan mengawasi satu-satu pertubuhan itu ataupun beberapa persatuan-persatuan. Misalnya diperingkat daerah adanya Pegawai Kebudayaan Belia dan Sukan Daerah dan

dan diperingkat negeri Pegawai Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri yang digaji untuk membimbing dan juga mengawasi perjalanan persatuan-persatuan itu. Dalam hal ini sebagai contoh pegawai itu berkuasa di atas persatuan-persatuan belia (4B dan MAYC) juga persatuan-persatuan pengakap.

Sebagai kesimpulan struktur persatuan-persatuan itu adalah berbentuk hiraki dan sistem hiraki ini tidak terhenti dalam persatuan itu sahaja kerana adanya lanjutan keperingkat-peringkat yang lebih tinggi. Disamping susunan pentadbiran badan-badan persatuan itu sendiri terdapat kaitannya dengan kerajaan dimana kerajaan meletakkan pegawai-pegawainya bagi membantu perjalanan persatuan-persatuan itu dan akhirnya diperingkat negara, kelihatan persatuan-persatuan itu terletak di bawah kementerian-kementerian tertentu, Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC), Pertubuhan Belia 4B, Pasokan Pengakap adalah di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan Asykar Wataniah di bawah Kementerian Pertahanan sementara Ikatan Relawan Raayat terletak di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Bagi dua buah persatuan yang beruniform yang termasok dalam persatuan-persatuan yang dipilih ini, iaitu Pasokan Pengakap dan Asykar Wataniah kita dapati disamping adanya struktur-struktur seperti semua persatuan-persatuan tadi, kedudukan seseorang ahli itu juga berhubung rapat dengan pangkat-pangkat yang diberikan pada seseorang individu itu dalam persatuan-persatuan ini yang didasarkan kepada kebolehan atau melalui ujian-ujian tertentu. Pangkat-pangkat ini akan menentukan kedudukan dan status mereka di dalam persatuan-persatuan itu. Sementara itu persatuan Ikatan Relawan Raayat yang mana dibahagikan kepada unit-

University of Malaya

unit yang mengandungi 10 orang, setiap unit mempunyai seorang ketua unit. Unit-unit dari berbagai tempat di dalam daerah itu diketui oleh seorang ketua unit daerah dan seterusnya di bawah seorang ketua pengarah diperingkat negeri.

(ii) Keahlian - Siapa yang Menyertai

Satu ciri bagi persatuan-persatuan ini adalah tentang adanya had umor yang ditetapkan oleh persatuan dan pertubuhan-pertubuhan itu di dalam pengambilan ahli-ahlinya. Tiap-tiap persatuan mengenakan syarat iaitu setiap individu yang ingin menyertai persatuan atau pertubuhan pertubuhan itu mestilah berada di dalam lingkungan umor yang ditetapkan oleh persatuan-persatuan itu. Dalam pada itu setengah-setengah persatuan adalah ditetapkan atau hanya dikhaskan untuk satu kumpulan jantina sahaja, sebagai misalnya Pasokan Pengakap hanya dikhaskan untuk lelaki dan Gerakan Persatuan Wanita hanya boleh disertai oleh cuma golongan perempuan.

Selain daripada syarat-syarat yang ditetapkan tadi dan ditambah dengan kesanggupan membayar yuran bagi setengah-setengah persatuan, boleh dikatakan tidak ada lain-lain syarat yang dikenakan untuk menyertai persatuan-persatuan itu. Penulis akan memperlihatkan tentang penyertaan atau keahlian persatuan-persatuan itu ditinjau dari umor, pekerjaan dan tingkat pelajaran. Tinjauan ini diharapkan dapat memperlihatkan apakah faktor-faktor seperti umor, pekerjaan, tingkat pelajaran, keluarga dan sebagainya mempengaruhi seseorang itu dalam keputusan atau sikapnya untuk menyertai persatuan-persatuan itu.

University of Malaya

Umor

Persatuan-persatuan ini seperti yang telah disebutkan tadi mempunyai syarat-syarat singkatan umor yang tertentu dalam pengambilan ahli-ahlinya. Di bawah ini diperturunkan tingkatan atau lingkungan umor yang ditetapkan oleh persatuan-persatuan itu dalam pengambilan ahli-ahlinya.

JADUAL 3.1

JADUAL MENUNJUKKAN TINGKATAN ATAU LINGKUNGAN UMOR YANG DITETAPKAN OLEH PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ITU DALAM PENGAMBILAN AHLI-AHLINYA

| No. | PERSATUAN/PERTUBUHAN | LINGKUNGAN/TINGKATAN UMOR |
|---|---|---|
| 1. | Pertubuhan Pengakap Kelana 'A' Jitra | 16 tahun keatas * |
| 2. | Gerakan Persatuan Wanita Jitra | 18 tahun keatas |
| 3. | Persatuan Belia 4B Jitra | 16 - 30 tahun |
| 4. | Persatuan Belia Cahaya Purnama (MAYC) | 16 - 30 tahun |
| 5. | Asykar Wataniah | 18 - 45 tahun |
| 6. | Ikatan Relawan Raayat (RELA) | 21 dan lebih |

*Mereka-mereka yang berumor di bawah 16 tahun selalunya masih lagi bersekolah dan mereka selalunya tidak memasoki pertubuhan-pertubuhan diluar sekoleh.

Tingkatan atau lingkungan umor yang ditetapkan itu tidaklah begitu ketat bagi setengah-setengah persatuan, terutama di dalam persatuan-persatuan belia (4B dan MAYC) dimana kadangkala syarat-syarat itu dilonggarkan memandangkan keadaan-keadaan tertentu. Kekurangan

pemimpin yang berkalibar atau berkebolehan memaksakan persatuan ini mengekalkan ahli-ahlinya yang menjadi pemimpin tetapi telah terkeluar dari had umor yang ditetapkan itu. Secara amnya dapat dikatakan yang penetapan umor itu boleh berubah-ubah dan disesuaikan dengan keadaan tempat dan masa. Sementara itu pertubuhan seperti Asykar Wataniah misalnya mengadakan sekatan yang ketat dari segi umor ini dalam pengambilan ahli-ahlinya.

Setelah melihat tentang penetapan atau sekatan umor yang menjadi syarat untuk memasuki persatuan-persatuan itu, penulis akan cuba memperlihatkan orang-orang dari peringkat umor, manakah di dalam lingkungan umor yang ditetapkan oleh persatuan-persatuan itu yang ramai menyertai persatuan-persatuan itu. Daripada 100 respondent yang dipilih dari 6 buah persatuan yang dikaji itu penulis mendapati taboran penyertaan di dalam persatuan-persatuan dari segi umor adalah seperti di dalam jadual 3.2

JADUAL 3.2

JADUAL MENUNJUKKAN TABORAN PENYERTAAN DI DALAM PERSATUAN-PERSATUAN SUKARELA DILIHAT DARI PERINGKAT-PERINGKAT UMOR

| Umor | Bilangan yang menyertai | Peratus |
|---|---|---|
| 16 - 20 tahun | 12 | 12% |
| 21 - 25 tahun | 38 | 38% |
| 26 - 30 tahun | 26 | 26% |
| 31 - 35 tahun | 18 | 18% |
| 36 - 40 tahun | 4 | 4% |
| 41 dan lebih | 2 | 2% |
| | 100 | 100% |

Bentuk taboran seperti ini dapat menjelaskan beberapa perkara. Penyertaan paling ramai adalah dari golongan yang berumor diantara 21 hingga 25 tahun (38%) dan diikuti oleh yang berumor antara 26 hingga 30 tahun (26). Hal ini boleh dijelaskan oleh beberapa sebab. Pertamanya adalah orang-orang lain lingkungan ini boleh memasuki mana-mana satu persatuan tadi dengan tidak ada masaalah tentang sekatan umor. Jadi mungkin banyaknya pilihan yang boleh dibuat dalam memilih pertubuhan-pertubuhan yang ingin disertai juga merupakan faktor ramainya penyertaan orang-orang dari lingkungan umor 21 hingga 30 tahun ini (64%).

Keduanya, kebanyakan daripada orang-orang di dalam lingkungan umor antara 21 hingga 25 tahun adalah terdiri daripada golongan-golongan muda yang baharu saja lepas dari bangku persekolahan dan mendapat pekerjaan-pekerjaan tertentu, ataupun yang masih lagi menganggur. Golongan ini bagi yang lelaki selalunya masih bujang dan keadaan ini memberikan lebih banyak masa lapang yang membolehkan mereka untuk bergerak dengan persatuan-persatuan ini. Bagi mereka yang terdiri dari golongan perempuan, kebanyakannya telah berkahwin tetapi mereka masih boleh bergerak dengan agak bebas kerana kebanyakannya belum mempunyai anak.

Bagi mereka yang berumor antara 26 hingga 30 tahun tadi, yang merupakan golongan yang kedua besarnya (26%) dalam penyertaan itu, penyertaan mereka kebanyakannya adalah merupakan lanjutan daripada penyertaan mereka dimasa-masa lalu, iaitu kebanyakan mereka dari golongan umor ini telah menyertai persatuan-persatuan itu sejak beberapa tahun sebelum ini. Jadi mereka meneruskan penyertaan menjadi ahli itu kerana peringkat umor mereka masih mengizinkan mereka kekal di dalam persatuan-persatuan itu.

Golongan yang ketiga ramainya menyertai persatuan-persatuan ini terdiri dari mereka yang berumor antara 31 hingga 35 tahun (18%) di-ikuti dengan belia-belia yang berumor antara 16 hingga 20 tahun (12%). Bagi golongan 31 hingga 35 tahun ini, penyertaannya agak kurang mungkin disebabkan umor mereka yang hanya berpeluang menyertai persatuan-persatuan tertentu sahaja dan mungkin bertambahnya tanggongjawab keluarga (dengan bertambahnya bilangan anak-anak) dan seumpamanya menyebabkan kurangnya penyertaan golongan ini dibandingkan dengan golongan yang berumor antara 21 hingga 30 tahun tadi.

Bagi belia-belia yang berumor antara 16 hingga 20 tahun (12%), peratus penyertaan ini mungkin kurang disebabkan oleh kurangnya bilangan yang boleh menyertai dalam persatuan-persatuan. Bagi golongan dalam umor 16 hingga 20 tahun ini mungkin ramai yang masih bersekolah dan keadaan ini tidak mengizinkan mereka menyertai pertubuhan-pertubuhan di-luar sekolah ini. Selain dari itu mungkin sikap golongan-golongan yang masih muda ini yang lebih tertarik pada cara-cara lain yang lebih menyeronokkan untuk memenuhi masa lapang mereka. Walaubagaimana pun golongan ini masih merupakan golongan yang agak besar penyertaannya (12%).

Penyertaan paling kurang adalah dari golongan yang berumor antara 36 hingga 40 tahun (4%) dan 41 hingga 45 tahun (2%) kurang-nya penyertaan ini mungkin kerana terhadnya jenis persatuan yang boleh mereka masoki. Dalam hal ini mereka hanya berpeluang memasoki pertubuhan Asykar Wataniah, Rela dan Gerakan Persatuan Wanita sahaja. Disamping itu mungkin minat orang-orang dalam lingkungan umor terutama antara 40 hingga 45 tahun ini sudah berkurangan, disebabkan mereka lebih suka meng-

habiskan masa menumpukan perhatian pada keluarga atau hanya dengan cara berihat-rihat di rumah.

Apa yang mahu ditekankan oleh penulis disini adalah tentang adanya perbezaan dalam minat menyertai persatuan-persatuan ini disebabkan oleh faktor-faktor umor. Taboran atau angka-angka yang didapati dalam penyertaan individu-individu dalam persatuan-persatuan adalah berubah mengikut tingkat-tingkat umor yang tertentu.

Pekerjaan

Jenis pekerjaan seseorang individu juga boleh merupakan satu faktor penting yang membawa kesedaran pada individu-individu untuk menyertai pertubuhan dan persatuan-persatuan sukarela ini. Dari segi pekerjaan, bagi individu-individu yang bekerja dengan kerajaan kalau dibandingkan dengan yang bekerja sendiri, terdapat perbezaan di dalam masa lapang yang dipunyai oleh kedua-dua kumpulan ini, begitu juga dengan tingkat pelajaran yang dicapai oleh individu itu, dimana ianya dapat mempengarohi sikap atau keputusan individu itu untuk menyertai persatuan-persatuan.

JADUAL 3.3

JADUAL MENUNJUKKAN JENIS-JENIS PEKERJAAN DARIPADA 100 RESPONDENT DI DALAM 6 JENIS PERTUBUHAN-PERTUBUHAN SUKARELA DI JITRA

| Bil. | Pekerjaan | Jumlah | Peratus |
|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai kerajaan/Kerani | 16 | 16% |
| 2. | Guru | 23 | 23% |
| 3. | Polis/Bomba | 10 | 10% |
| 4. | Buruh, Pembantu Pejabat, Tukuang Kebun | 13 | 13% |
| 5. | Bekerja sendiri | 9 | 9% |
| 6. | Suri rumah tangga | 15 | 15% |
| 7. | Menganggor/Pencen | 14 | 14% |
| | | 100 | 100% |

Dari jenis-jenis pekerjaan itu kita dapati golongan guru-guru merupakan golongan yang paling ramai menyertai persatuan-persatuan ini, iaitu sebanyak 23%. Guru-guru ini sebenarnya mempunyai masa lapang yang lebih kalau dibandingkan dengan orang-orang yang di dalam pekerjaan-pekerjaan lain. Golongan yang kedua ramainya adalah dari kumpulan pegawai-pegawai kerajaan dan kerani yang merupakan 16% diikuti oleh suri-suri rumahtangga seramai 15%, buruh, tukang kebun dan pembantu pejabat seramai 13%, dan golongan yang menganggor dan yang telah bersara 14%. Bila dipandang dari angka-angka ini kita dapat mengatakan faktor pekerjaan yang mengizinkan adanya masa lapang yang agak banyak dapat mempengaruhi golongan-golongan tadi menyertai persatuan-persatuan itu.

University of Malaya

Hal ini dapat dibandingkan dengan mereka-mereka di dalam pekerjaan polis/bomba yang penyertaannya adalah rendah (10%) dibandingkan dengan golongan-golongan yang telah disebutkan tadi. Begitu juga dengan golongan yang bekerja sendiri (9%) terutama dari golongan yang berniaga adalah amat kecil. Golongan polis dan bomba yang pekerjaannya adalah kadang-kadang memerlukan masa-masa hingga ke waktu malam dan sebagainya kurang menggalakkan mereka untuk menyertai persatuan-persatuan itu. Walaubagaimana pun pekara ini mungkin disebabkan oleh kurangnya golongan polis dan bomba di kawasan bandaran kecil Jitra, ini jika dibandingkan dengan mereka-mereka dari pekerja-pekerja yang lain.

Untuk memastikan hal ini penulis menggunakan golongan yang bekerja sendiri, terutamanya yang berniaga. Mereka-mereka yang membuka kedai-kedai makanan, menjual digerai-gerai dan seumpamanya adalah amat kurang penyertaannya di dalam persatuan-persatuan ini. Hal ini boleh menunjukkan yang perkerjaan dan masa lapang adalah penting kerana kita dapati golongan peniaga-peniaga dan bekerja sendiri itu adalah cukup ramai jika dibandingkan dengan orang-orang yang dari pekerjaan-pekerjaan lain. Oleh itu penulis membuat kesimpulan yang jenis pekerjaan memang ada mempengarohi tentang kemasokan individu dalam persatuan-persatuan sukarela ini.

## Tingkat Pelajaran

Latarbelakang dalam tingkat pelajaran individu-individu juga adalah penting dalam melihat tentang penyertaan-penyertaan dalam persatuan-persatuan sukarela ini. Latarbelakang pelajaran ini dapat mempengarohi sikap individu-individu, misalnya pengalaman bergiat di dalam persatuan-persatuan semasa di sekolah dulu dapat menerbitkan rasa

University of Malaya

keinginan untuk menyertai persatuan-persatuan di luar sekolah setelah keluar dari bangku sekolah, ataupun sebaliknya pencapaian kejayaan individu di dalam pelajaran hingga ke peringkat tinggi tidak begitu meluangkan masa untuknya bergiat atau menyertai persatuan-persatuan sukarela ini.

JADUAL 3.4

JADUAL MENUNJUKKAN TINGKAT PELAJARAN YANG DICAPAI (LATARBELAKANG PELAJARAN) OLEH 100 RESPONDENT DARI 6 PERSATUAN SUKARELA DI JITRA

| Bil. | Tingkat Pelajaran Yang Dicapai | Bilangan | Peratus |
|---|---|---|---|
| 1. | Tidak pernah bersekolah | 2 | 2% |
| 2. | Sekolah rendah sahaja | 21 | 21% |
| 3. | Tingkatan 3 | 26 | 26% |
| 4. | Tingkatan 5 | 22 | 22% |
| 5. | Tingkatan 6/Maktab | 28 | 28% |
| 6. | Universiti | 1 | 1% |
| | | 100 | 100% |

Dari jadual di atas didapati 20% daripada orang-orang yang menyertai persatuan-persatuan ini adalah terdiri dari mereka-mereka yang mempunyai latarbelakang pelajaran hingga ke tingkatan 6 atau maktab-maktab. Maktab yang dimaksudkan disini adalah maktab perguruan kerana kebanyakan mereka yang termasok dalam kumpulan ini adalah guru-guru. Selain dari itu ada juga yang telah mencapai peringkat pelajaran hingga ke tingkatan 6 dan bekerja sebagai pegawai-pegawai dan kerani-kerani. Dalam hal ini mungkin pelajaran yang diterima, ditambah dengan pengalaman pengalaman dalam persatuan-persatuan di pusat-pusat pengajian tadi

University of Malaya

yang menarik mereka untuk menyertai dalam persatuan-persatuan sukarela ini setelah keluar pusat-pusat pengajian tadi.

Penyertaan dalam persatuan-persatuan, berasaskan pada latarbelakang pelajaran ini memberikan satu gambaran yang menunjukkan bahawa semakin tinggi tingkat-tingkat pelajaran yang dicapai semakin rendah kadar penyertaan di dalam persatuan-persatuan ini. Ini dapat dilihat daripada jadual 3.4, dimana hanya 1% sahaja penyertaan dari golongan yang berkelulusan universiti, sementara golongan dari kategori tingkatan 6/maktab adalah 28%, tetapi kalau ditolak golongan guru-guru (yang mendapat latihan maktab) terdapat hanya 5% atau 6% sahaja penyertaan dari golongan yang mendapat didikan hingga tingkatan 6 yang menyertai persatuan-persatuan ini.

Semakin rendah tingkat pelajaran yang diterima semakin tinggi peratus penyertaan, ini dapat dilihat daripada jadual 3.4 tadi dimana tingkat pelajaran hingga ketingkatan 5 penyertaannya adalah 22% tingkatan 3 sebanyak 26% dan 21% bagi golongan yang hanya menerima pelajaran sekolah rendah. Walaubagaimana pun kita dapati hanya 2% sahaja penyertaan dari golongan yang tidak pernah bersekolah yang mana boleh membawa pengertian yang tidak adanya pelajaran menyebabkan kurangnya kesedaran untuk menyertai persatuan-persatuan itu.

Untuk memahami keadaan ini penulis akan cuba mencari sebab-sebab mengapa keadaan penyertaan di dalam persatuan-persatuan sukarela berdasarkan latarbelakang pelajaran berbentuk begitu rupa. Mereka-mereka yang mempunyai latarbelakang pelajaran hinggaake tingkatan 3 merupakan peratus yang terbanyak menyertai persatuan-persatuan sukarela

ini adalah disebabkan oleh kerana golongan inilah yang merupakan golongan yang paling ramai di kawasan ini. Faktor jumlah yang ramai ini ditambah pula dengan keadaan-keadaan seperti pengalaman-pengalaman berpersatuan dimasa sekolah dahulu, masaalah untuk mendapat pekerjaan dan sebagainya menarik golongan ini untuk menyertai persatuan-persatuan itu.

Pada mereka-mereka yang mempunyai pelajaran hingga ke tingkatan 5 (22%) adalah terdiri daripada golongan-golongan yang telah mendapat pekerjaan-pekerjaan tertentu (walaupun ada yang menganggor) dan disebabkan tidak ada perkara-perkara lain yang boleh dibuat untuk menghabiskan masa-masa lapang, atau menghilangkan perasaan bosan mereka menyertai persatuan-persatuan ini. Hal yang serupa juga terjadi kepada golongan yang hanya mendapat pelajaran hingga ke sekolah rendah sahaja. Mereka ini kebanyakannya terdiri dari suri-suri rumahtangga yang inginkan pergaulan dan pergerakan di luar rumah yang dianggap dapat melepaskan rasa terkurung dalam suasana rumahtangga sahaja.

Bagi golongan yang tidak pernah bersekolah, penyertaan golongan ini hanya merupakan 2% sahaja. Hal ini disebabkan kurang berminat golongan itu dalam kegiatan-kegiatan sosial. Mereka-mereka ini terdiri dari golongan yang sudah agak berumur terdiri dari suri-suri rumahtangga atau orang-orang yang bekerja sendiri. Pengalaman dan keadaan sekeliling seperti suasana dan aktiviti-aktiviti dalam persatuan itu kurang menarik minat mereka kerana mereka mempunyai anggapan bahawa persatuan-persatuan itu hanya sesuai untuk golongan-golongan yang mempunyai pelajaran sahaja.

Kurangnya penyertaan dalam kategori orang-orang yang

berpendidikan agak tinggi adalah disebabkan keadaan mereka dalam masa persekolahan dahulu. Adalah menjadi dasar sekolah-sekolah yang tidak membenarkan pelajar-pelajarnya memasoki pertubuhan-pertubuhan di luar sekolah. Bagi mereka-mereka yang tidak pernah tercicir dari sekolah ini peluang untuk menyertai persatuan-persatuan ini hampir tidak ada, dan setelah mereka keluar daripada pusat-pusat pengajian tinggi misalnya mereka mendapat pekerjaan-pekerjaan yang lebih baik dan berpeluang menyertai pertubuhan-pertubuhan atau kelab-kelab yang lebih baik atau sesuai dengan jawatan dan kedudukan mereka.

Perkara memilih persatuan-persatuan atau kelab-kelab yang lebih baik dan tinggi statusnya ini adalah disebabkan oleh taraf atau kedudukan seseorang itu. Orang-orang yang berkedudukan tinggi tidak begitu tertarik dengan persatuan-persatuan begini, disebabkan oleh anggapan ianya tidak sesuai untuk mereka. Kemasukan mereka dalam persatuan-persatuan ini mungkin akan menurunkan taraf mereka. William Erbe menegaskan:

> "Social class is a major variable that accounts for a number of significant differences among voluntary associations. To begin with, it is clear that participation in voluntary associations is unequally distributed among socio economic group....".[3]

Faktor lain seperti keluarga misalnya tidak begitu ketara mempengarohi penyertaan-penyertaan ini. Di lihat daripada peratus

---

[3]William Erbe, "Social Involvement and Political Activity" dalam American Sociological Review 29, No. 2, April 1964, m.s. 198.

penyertaan dalam persatuan-persatuan ini didapati 60% terdiri daripada mereka yang masih bujang sementara 40% sudah berumahtangga. Perbezaannya hanyalah 10% dan kita boleh merumuskan yang faktor dan tanggongjawab terhadap rumah tangga dan keluarga tidak merupakan sekatan atau halangan untuk menyertai persatuan-persatuan sukarela ini.

(iii) <u>Mengapa Orang Menyertai Pertubuhan-pertubuhan Sukarela</u>

Apakah sebab-sebab yang boleh menarik minat penduduk-penduduk di kawasan Pekan Kecil Jitra untuk memasoki atau menceburkan diri di dalam pertubuhan-pertubuhan sukarela di Jitra ini? Pemulis akan membincangkan hal ini secara umum iaitu melihat sebab-sebab mengapa penduduk-penduduk disini memasoki pertubuhan-pertubuhan dengan tidak membahagi-bahagikannya mengikut pertubuhan-pertubuhan tertentu. Setelah diperhatikan sebab-sebab secara am ini terlebih dahulu barulah kita akan melihatnya dengan berpandukan kepada pertubuhan-pertubuhan yang khusus, misalnya mengapa seorang itu tertarik untuk menyertai pertubuhan Ikatan Relawan Raayat dan seorang lagi berminat dalam pasokan pengakap.

Daripada 100 orang respondent yang terdiri daripada 6 buah pertubuhan iaitu Pengakap, Belia 4B, Belia MAYC, Gerakan Persatuan Wanita (GPW), Ikatan Relawan Raayat (RELA) dan Wataniah, didapati pemilihan sebab-sebab mereka memasoki persatuan itu adalah seperti berikut:

University of Malaya

# JADUAL 3.5

## JADUAL MENUNJUKKAN PEMILIHAN SEBAB-SEBAB RESPONDENT MEMASOKI PERTUBUHAN-PERTUBUHAN SUKARELA

| Bil. | SEBAB-SEBAB | Jumlah | Peratus |
|---|---|---|---|
| 1. | Memenohi masa lapang dengan cara yang berguna | 76 | 76% |
| 2. | Untuk berbakti kepada masyarakat dan negara | 42 | 42% |
| 3. | Untuk mendapat pelajaran dan pengalaman dari pertubuhan-pertubuhan yang dimasoki | 33 | 33% |
| 4. | Terpengaroh dengan berita-berita mengenai pertubuhan-pertubuhan sukarela | 5 | 5% |
| 5. | Untuk bergaul dengan cara yang lebih bebas/luas | 37 | 37% |
| 6. | Kerana banyak kawan-kawan yang masok pertubuhan-pertubuhan sukarela | 4 | 4% |
| 7. | Lain-lain | 3 | 3% |

Angka-angka ini didapati daripada pemilihan sebab-sebab yang dipilih oleh 100 orang respondent tadi. Tiap-tiap respondent diberi peluang untuk memilih dua daripada tujuh sebab-sebab yang diberikan mengenai mengapa mereka memasoki pertubuhan-pertubuhan sukarela itu. Daripada angka-angka yang didapati mengenai sebab-sebab penduduk-penduduk di Pekan Jitra ini memasoki pertubuhan ini, penulis akan menganalisakannya satu persatu untuk mencari faktor-faktor yang boleh menimbulkan sebab-sebab tersebut.

Memenuhi Masa Lapang Dengan Cara Yang Berguna

Didapati 76% daripada responden bersetuju tentang kemasokannya ke dalam persatuan sukarela adalah untuk memenuhi masa lapang. Memang banyak cara-cara orang memenuhi masa lapang mereka, misalnya membaca, bermain atau tinggal di rumah menonton television bersama-sama keluarga dan sebagainya, tetapi ramai yang berpendapat yang dengan memasoki pertubuhan-pertubuhan sukarela ini mereka dapat menggunakan sebahagian daripada masa lapang mereka dengan cara yang lebih berfaedah.

Berhubung dengan masa lapang ini penulis akan meninjau beberapa perkara yang berkaitan dengannya iaitu mengapa masa lapang ini mahu digunakan untuk pertubuhan sukarela dan tidak untuk perkara-perkara lain. Sebelum itu kita harus tinjau berkenaan dengan pekerjaan orang-orang yang memasoki pertubuhan-pertubuhan ini, kerana jenis-jenis pekerjaan seseorang itu sendiri dapat memberi gambaran kepada kita tentang banyak atau kurang masa lapangnya.

Mengenai jenis pekerjaan, daripada 100 responden yang dipilih daripada 6 buah pertubuhan-pertubuhan sukarela, dan jenis-jenis pekerjaan itu penulis menyusunkannya di dalam 7 jenis. Jadual jenis-jenis pekerjaan itu adalah seperti berikut:

University of Malaya

JADUAL 3.6

JADUAL MENUNJUKKAN JENIS-JENIS PEKERJAAN DARIPADA 100 RESPONDENT DI DALAM 6 JENIS PERTUBUHAN-PERTUBUHAN SUKARELA DI JITRA

| Bil. | JENIS-JENIS PEKERJAAN | Bilangan | Peratus |
|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai kerajaan dan Kerani | 16 | 16% |
| 2. | Guru | 23 | 23% |
| 3. | Polis dan Bomba | 10 | 10% |
| 4. | Buruh, Budak Pejabat (office boy), Tukang Kebun Sekolah | 13 | 13% |
| 5. | Kerja sendiri - peniaga | 9 | 9% |
| 6. | Suri rumahtangga | 15 | 15% |
| 7. | Tiada bekerja (menganggor) dan orang-orang yang telah bersara | 14 | 14% |
| | | 100 | 100% |

Dilihat daripada jenis-jenis pekerjaan, respondent itu didapati ramai sekali daripada mereka terdiri daripada guru-guru (23%). Ini termasoklah guru-guru sekolah rendah, menengah dan juga guru-guru di taman didikan kanak-kanak (TADIKA), yang mengajar di sekolah-sekolah di dalam pekan Jitra juga yang tidak mengajar di Pekan ini, tetapi tinggal di Jitra. Pegawai-pegawai kerajaan temasok kerani-kerani yang bekerja di pejabat-pejabat di sekitar Jitra 16%. 15% terdiri daripada suri-suri rumah tangga, 14% tidak bekerja dan orang yang telah bersara 13% adalah terdiri dari golongan buruh.

Pekerjaan-pekerjaan yang disebutkan tadi mengizinkan pekerja-pekerja itu mempunyai masa lapang yang agak banyak, dan untuk memenuhi masa lapang inilah mereka memasoki pertubuhan-pertubuhan sukarela itu. Satu perkara yang harus diperhatikan ialah keadaan pekan Jitra ini sendiri. Jitra amat kurang dengan tempat-tempat hiburan, yang ada cuma sebuah panggong wayang yang sudah tua (diperbuat daripada kayu) dan gambar-gambar yang ditayangkan adalah gambar-gambar yang sudah lama ditayangkan di panggong-panggong wayang di Alor Star misalnya.

Ketiadaan tempat-tempat hiburan ini menimbulkan rasa kesunyian bagi penduduk-penduduk disini. Tempat hiburan yang paling dekat ialah Alor Star yang jaraknya 12 batu daripada Jitra. Adalah mustahil bagi penduduk-penduduk disini untuk setiap hari atau selalu ke Alor Star. Jadi faktor kesunyian dengan alam hiburan inilah yang menjadi salah satu sebab-sebab orang memasoki pertubuhan sukarela ini iaitu mana yang berpendapat memasoki pertubuhan sukarela adalah untuk memenuhi masa lapang.

Selain daripada itu faktor seperti kebosanan di rumah mungkin merupakan satu faktor pendorong untuk memasoki pertubuhan-pertubuhan ini. Kalau dilihat jadual tadi didapati 15% adalah terdiri daripada suri-suri rumahtangga. Bagi suri-suri rumahtangga ini, memasoki pertubuhan sukarela disamping faktor-faktor lain adalah juga merupakan usaha untuk melepas daripada keadaan bosan di rumah sepanjang masa. Dengan keluar untuk kerja-kerja sukarela sekali atau dua kali seminggu akan menghiburkan sedikit perasaan bosan tinggal di rumah

hampir sepanjang masa itu.

Untuk Berbakti Kepada Masyarakat dan Negara

Didapati 42% daripada responden-responden memilih sebab-sebab mereka memasoki pertubuhan-pertubuhan sukarela ini sebagai satu usaha untuk berbakti kepada masyarakat dan negara. Sebahagian besar daripada responden-responden yang memilih sebab untuk berbakti kepada masyarakat dan negara ini adalah dari pertubuhan-pertubuhan Ikatan Relawan Raayat (RELA) dan Asykar Wataniah. Ini amat bersesuaian sekali dengan pertubuhan itu sendiri yang sememangnya banyak sekali atau hampir seluruh tujuannya adalah ditumpukan untuk kepentingan masyarakat dan negara.

Timbulnya kesedaran dikalangan penduduk-penduduk tentang pentingnya kehidupan yang aman damai dan perasaan untuk sama-sama membantu kerajaan dan bertanggongjawab di dalam kerja-kerja untuk mengekalkan keadaan aman damai dan menjaga tempatnya dari kekacauan anasir-anasir jahat telah mendorong penduduk-penduduk disini menceburkan diri di dalam pertubuhan-pertubuhan sukarela seperti ini. Mereka merasakan yang kerajaan sangat memerlukan tenaga setiap raayat untuk sama-sama berganding bahu dan bekerjasama dengan lain-lain ajen keamanan kerajaan seperti polis dan tentera. Dengan memasoki pertubuhan-pertubuhan ini mereka boleh menolong kerajaan dalam keadaan-keadaan tertentu bagi mencapai matlamat menjaga keamanan negara.

Kesedaran untuk menjadi seorang warganegara yang berguna juga merupakan faktor pendorong bagi seseorang itu memasoki pertubuhan sukarela ini. Dengan penglibatan mereka di dalam pertubuhan-pertubuhan

sukarela, mereka merasakan yang mereka boleh menolong orang ramai misalnya dengan mengadakan projek-projek gotong-royong membersihkan / kawasan, khemah-khemah kerja dan lain-lain kerja-kerja kebajikan seumpama itu. Mereka merasakan diri mereka sebagai orang-orang yang menjadi contoh bagi masyarakat itu, kerana pertubuhan-pertubuhan sukarela ini selalu menjalankan projek-projek yang berguna dan diharapkan menjadi jentera utama dalam kemajuan masyarakat. Oleh itu dengan memasoki pertubuhan-pertubuhan sukarela ini, mereka merasa puas dan bangga kerana setidak-tidaknya mereka telah turut sama membuat sumbangan-sumbangan yang berguna untuk masyarakat seluruhnya.

Untuk Mendapat Pelajaran atau Pengalaman

Sudah semenangnya dengan memasoki pertubuhan-pertubuhan sukarela ini setiap orang akan mendapat sedikit sebanyak pelajaran dan pengalaman daripadanya. Pelajaran dan pengalaman ini sudah tentu merupakan sesuatu yang penting di dalam kehidupan setiap individu. Daripada jadual 3.5 didapati 33% memilih sebab untuk mendapat pelajaran dan pengalaman yang telah menarik mereka untuk memasoki pertubuhan-pertubuhan sukarela itu.

Hampir semua responden daripada pertubuhan Gerakan Pertubuhan Wanita (WI) memilih faktor ini. Ini adalah disebabkan yang mereka sendiri sedari yang dengan memasoki pertubuhan ini, mereka telah banyak dapat mempelajari hal-hal yang dulunya tidak mereke ketahui. Di dalam pertubuhan ini mereka telah dapat mempelajari banyak berkenaan dengan cara-cara mengurus rumahtangga, memasak dan menjahit serta sedikit-sedikit mengenai projek-projek tanaman yang melibatkan tanaman

University of Malaya

sayor-sayoran. Oleh itu mereka merasakan mereka telah mendapat ganjaran yang besar hasil dari penceburan mereka dalam pertubuhan-pertubuhan ini.

Keinginan untuk mempelajari tentang bagaimana menjalankan tugas-tugas juga menerbitkan kemahuan untuk menyertai pertubuhan-pertubuhan ini. Sebagaimana yang diketahui setiap pertubuhan-pertubuhan itu mempunyai struktur-struktur tertentu, di dalamnya terdapat jawatan-jawatan seperti pengerusi, setiausaha, bendahari dan ahli-ahli jawatankuasa, oleh itu mereka memasoki pertubuhan-pertubuhan ini, ada juga yang di dorong oleh keinginan untuk mendapatkan jawatan-jawatan ini bagi memperolehi pengalaman di dalam pentadbiran-pentadbiran persatuan.

Peluang-peluang untuk mempelajari perkara-perkara tertentu yang mana tidak boleh didapati kalau tidak memasoki pertubuhan-pertubuhan seperti peluang untuk mempelajari tentang menggunakan senjata-senjata api dan berkawat di dalam pasokan Asykar Wataniah, temasya unggun api (camp fire) dalam pasokan pengakap dan sebagainya, juga menjadi faktor yang menarik orang untuk menyertai pertubuhan-pertubuhan sukarela ini. Hanya dengan memasoki pertubuhan-pertubuhan ini sajalah peluang untuk mempelajari dan mengalami perkara-perkara itu boleh didapati.

<u>Terpengaroh Dengan Berita-berita Mengenai Pertubuhan-pertubuhan Sukarela</u>

Hanya 5% sahaja yang bersetuju kemasokan mereka ke dalam pertubuhan sukarela adalah hasil dari terpengarohnya mereka dengan segala berita-berita mengenai pertubuhan-pertubuhan sukarela itu. Ini mungkin kerana kebanyakannya tidak sedar tentang pengaroh itu, terutama melalui mess-media seperti akhbar, radio dan television. Di dalam

akhbar-akhbar hampir setiap hari ada dimuatkan dengan berbagai-bagai macam berita mengenai pertubuhan-pertubuhan sukarela, seperti Belia, Asykar Wataniah, Pertubuhan Pengakap dan sebagainya. Segala berita-berita itu adalah mengenai kejayaan persatuan-persatuan itu. Melihat kejayaan persatuan-persatuan itu maka dengan keadaan tidak disedari kita telah terpengaroh dengannya, kerana sekurang-kurangnya timbul niat kita untuk berjaya seperti mereka juga. Oleh itu timbul minat untuk memasoki dan bergiat dalam pertubuhan-pertubuhan.

Untuk Bergaul Dengan Lebih Luas/Bebas

Memandang kepada keadaan di Pekan Jitra dimana pergaulan diantara lelaki dan perempuan adalah tidak begitu bebas, seperti masyarakat di bandar-bandar besar, maka kita dapati 37% daripada respondent memilih sebab-sebab untuk bergaul dengan lebih bebas sebagai salah satu sebab mereka tertarik untuk memasoki pertubuhan. Kebanyakan yang memilih sebab ini adalah dari kalangan yang berumor antara 18 hingga 28 tahun, dan kebanyakan adalah lelaki dari pertubuhan-pertubuhan belia. Hal ini dapat diterangkan dari keadaan masyarakat disini yang memandang pergaulan antara lelaki dan perempuan adalah kurang manis. Jadi dengan memasoki pertubuhan-pertubuhan seperti ini mereka dapat bergaul dengan lebih bebas dalam pertubuhan-pertubuhan itu.

Pertubuhan-pertubuhan ada tempat-tempat tertentu dalam menjalankan aktivitinya. Adanya sebuah tempat berkumpul seperti ini boleh juga menarik minat setengah-setengah terutama suri-suri rumah-tangga untuk memasoki pertubuhan-pertubuhan ini. Ini adalah kerana mereka umpamanya tidak payah bertandang dari rumah ke rumah untuk

University of Malaya

menemui kawan misalnya untuk berbual-bual dan sebagainya. Lagipun dengan memasoki pertubuhan ini mereka dapat berjumpa dan bergaul dengan lebih ramai kawan-kawan di dalam satu masa.

Masyarakat pekan Jitra ini telah mula menunjukkan sifat-sifat kehidupan bandar iaitu hubungan antara individu-individu itu tidaklah lagi serapat seperti yang terdapat di dalam masyarakat kampong. Dalam sistem masyarakat di Jitra ini, kelihatan sifat-sifat dimana setiap individu adalah bebas untuk membuat sesuatu dalam hidupnya tanpa banyak bergantong pada nilai-nilai atau norma-norma tertentu seperti dalam masyarakat kampong. Jadi oleh itu untuk menjalin ikatan pergaulan antara individu-individu itu dengan cara yang lebih dekat maka mereka memasoki pertubuhan-pertubuhan ini, dan mereka telah dapat menjalin hubungan masyarakat yang berdasarkan pertubuhan-pertubuhan ini.

<u>Memasoki Pertubuhan Sukarela Kerana Banyak Kawan-kawan Memasokinya</u>

Melihat kepada hanya 4% daripada yang memasoki pertubuhan pertubuhan ini, disebabkan oleh kawan-kawan, maka dapat kita katakan dengan berdasarkan angka ini yang faktor kawan-kawan ini amat sedikit mempengarohi tentang sebab-sebab mereka menyertai pertubuhan-pertubuhan ini. Dengan lain-lain perkataan mereka memasoki pertubuhan ini atas sebab-sebab lain. Tetapi walaubagaimana pun masih terdapat 4% yang masok pertubuhan ini adalah disebabkan oleh kawan-kawan.

Faktor kawan-kawan sebagai sebab-sebab kemasukan seseorang di dalam pertubuhan sukarela ini boleh dilihat dari dua cara. Pertamanya, kawan-kawan itu sendiri yang mempengarohi, misalnya

dengan bercerita tentang kebaikan, keseronokan dan kejayaan-kejayaan yang didapatinya hasil dari memasoki pertubuhan itu kepada orang lain boleh menarik orang itu menyertai pertubuhan-pertubuhan itu.

Keduanya, jika ramai daripada kawan-kawannya telah memasoki pertubuhan-pertubuhan, kadang-kadang boleh mempengarohi seseorang itu untuk sama-sama menyertainya. Ini boleh dikaitkan dengan faktor kesunyian iaitu jika ia tidak menyertai pertubuhan-pertubuhan itu peluang-untuk bergaul dengan kawan-kawan adalah kurang dan terbatas. Oleh itu untuk selalu berdamping dengan kawan-kawan seseorang itu akan sama-sama memasoki pertubuhan-pertubuhan yang dimasoki oleh terutama kawan-kawan yang rapat dengannya.

Lain-lain

Lain-lain perkara yang berfungsi sebagai faktor penarik bagi penyertaan di dalam pertubuhan-pertubuhan sukarela ini adalah kerana adanya pangkat-pangkat tertentu yang boleh dicapai di dalam setengah daripada pertubuhan-pertubuhan itu, seperti pasokan pengakap dan asykar wataniah misalnya. Dengan memasoki pertubuhan-pertubuhan ini mereka berazam untuk mendapatkan pangkat-pangkat di dalam pertubuhan-pertubuhan itu, dan pangkat-pangkat itu nanti akan menaikkan status dan kedudukan mereka di dalam pertubuhan-pertubuhan itu maupun di dalam masyarakat amnya.

Faktor keinginan untuk menjadi pemimpin atau ketua-ketua yang boleh memimpin orang ramai juga boleh menjadi sebab-sebab orang tertarik untuk memasoki pertubuhan-pertubuhan ini. Melihat kedudukan

pemimpin-pemimpin masyarakat yang lain yang mana dipandang tinggi oleh masyarakat timbul keinginan untuk mendapat kedudukan seperti itu. Jadi diharapkan nanti dengan memasoki pertubuhan-pertubuhan ini mereka dapat menjadi pemimpin-pemimpin walaupun hanya dalam lingkungan pertubuhan itu sahaja. Tetapi yang pentingnya pemimpin-pemimpin persatuan ini nanti dapat pula berhubung dengan pemimpin masyarakat yang lebih tinggi kedudukan-nya itu dalam perkara-perkara formal. Daripada hubungan-hubungan ini nanti akan ujudnya hubungan-hubungan peribadi (personal) dengan pemimpin-pemimpin masyarakat itu.

Ada juga dikalangan orang-orang yang memasoki pertubuhan itu adalah dipengarohi oleh keinginan untuk memakai uniform atau pakaian seragam pertubuhan-pertubuhan itu (bagi pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai uniform). Mereka akan berpeluang memakai uniform ini hanya kalau mereka memasoki pertubuhan-pertubuhan itu, misalnya banyak orang-orang yang berkeinginan untuk dapat memakai uniform asykar atau menjadi asykar, tetapi mungkin disebabkan oleh kerana ada sebab-sebab tertentu mereka tidak dapat menjadi asykar dan keinginan untuk menjadi asykar dan merasai kehidupan asykar dipenuhi dengan memasoki pertubuhan tentera wataniah misalnya.

# BAB 4

## AKTIVITI DAN KEGIATAN PERSATUAN

## (i) Aktiviti-aktiviti Persatuan-persatuan Sukarela Di Jitra

Di dalam persatuan atau pertubuhan-pertubuhan, aktiviti dan kegiatan-kegiatan adalah merupakan satu perkara yang paling penting. Aktiviti-aktiviti inilah yang merupakan asas bagi persatuan-persatuan itu, kerana jika tidak ada aktiviti-aktiviti yang dijalankan bermakna tidak ada atau matilah persatuan itu. Jadi dapatlah ditegaskan yang aktiviti-aktiviti inilah yang menyebabkan terbentuknya pertubuhan-pertubuhan itu atau dengan lain-lain perkataan setiap pertubuhan yang ditubuhkan itu adalah bertujuan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti tertentu.

Penulis akan cuba memberi dan menghuraikan berkenaan dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela yang dikaji ini. Tiap-tiap pertubuhan ini mempunyai kegiatan dan aktiviti-aktiviti yang agak berlainan antara satu sama lain. Walaupun kedapatan adanya persatuan-persatuan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang serupa tetapi pada pokoknya terdapat perbezaan terutama dalam aktiviti-aktiviti asas yang didasarkan pada tujuan persatuan-persatuan itu yang berbeza-beza. Oleh itu penulis akan memberikan aktiviti-aktiviti itu mengikut jenis-jenis persatuan tadi.

### 1. a) Aktiviti-aktiviti Pasukan Pengakap

Memandangkan kepada bilangan ahli-ahli Pasukan Pengakap Kelana 'A' Jitra ini yang hanya terdiri daripada 30 orang sahaja, maka sudah tentu aktiviti-aktiviti yang dapat dijalankan juga agak terhad.

Bagi pasukan pengakap ini masaalah kurangnya bilangan ahli ini tidak begitu menjadi masaalah. Kalau dibandingkan bilangan-bilangan ahli-ahli dengan aktiviti yang dijalankan maka dapat kita katakan ianya adalah sebuah perantuan yang aktif. Keaktifan pasukan ini mungkin disebabkan oleh ahli-ahli pasukan pengakap ini adalah terdiri daripada orang-orang yang begitu mendalam minatnya terhadap pertubuhan ini dan telah berkecimpong dalam pasukan pengakap sejak dari bangku sekolah lagi.

Melatih Budak-budak Pengakap Di Sekolah-sekolah

Pasukan Pengakap Kelana "A" Jitra ini dengan secara sukarela memberi khidmat untuk melatih budak-budak pengakap di sekolah-sekolah di kawasan Jitra ini. Masaalah kekurangan guru-guru pengakap yang terdiri dari lebih daripada 50% daripada murid-murid lelaki di sekolah-sekolah ini telah mendapat perhatian daripada pasukan pengakap ini. Mereka telah memberikan kerjasama dengan melatih budak-budak pengakap ini di hari-hari cuti sekolah. Walaupun latihan itu diberikan itu hanya dalam masa-masa tertentu sahaja, tetapi sedikit sebanyak dapat memberi manafaat pada budak-budak pengakap ini dan sekolah amnya.

Menganjur Perkhemahan Pengakap Daerah

Sebagai sebuah pasukan pengakap yang letaknya di Jitra iaitu pusat bagi daerah Kubang Pasu ini, ditambah pula oleh adanya ahli-ahli pasukan ini yang termasok dalam ahli Jawatankuasa Pengakap Daerah, maka selalunya pasukan ini dengan kerjasama dari Persatuan Pengakap

Negeri Kedah menganjurkan perkhemahan Pengakap Daerah ini. Pasukan ini merancang dan menyiapkan keperluan-keperluan untuk berkhemah itu dan menjemput persatuan-persatuan pengakap dalam daerah Kubang Pasu ini untuk menyertai perkhemahan tersebut. Pasukan Pengakap Kelana "A" inilah yang mengambil inisiatif yang lebih, bermula dari peringkat merancang hinggalah kepada acara penutup perkhemahan itu.

Temasya Unggun Api Tahunan

Temasya unggun api ini merupakan satu perayaan kecil dimana pengakap-pengakap mendapat peluang untuk bersukaria melalui persembahan-persembahan seperti lakonan, nyanyian dan sebagainya yang dipersembahkan oleh ahli-ahli persatuan itu sendiri. Setiap ahli adalah berpeluang atau memang diharapkan dapat memberikan kerjasama untuk temasya ini dengan cara membuat persembahan-persembahan tertentu. Tujuan temasya ini sebenarnya adalah untuk memberi peluang pengakap-pengakap itu berhibur setelah bertungkus-lumus menjalankan kerja-kerja atau aktiviti persatuan sepanjang tahun.

Di dalam temasya ini persatuan pengakap ini menjemput beberapa orang yang agak berpengaruh di Jitra ini dan juga pengakap-pengakap lain di daerah Kubang Pasu ini sebagai tetamu. Mereka juga ada menyediakan makanan-makanan. Disamping itu orang ramai adalah di jemput untuk datang melihat temasya unggun api ini. Dengan cara ini temasya tersebut disamping membawa keseronokan kepada ahli-ahlinya dapat pula menimbulkan hubungan yang lebih erat diantara pasukan pengakap ini dengan masyarakat tempatan ini.

Mengadakan Pertunjukan-pertunjukan Umum

Persatuan Pengakap Kelana 'A' Jitra ini selalu menganjurkan pertunjukan-pertunjukan terutamanya dimasa-masa menyambut perayaan-perayaan seperti perayaan menyambut hari ulang tahun kemerdekaan misalnya. Dalam pertunjukan-pertunjukan begini walaupun kadang-kadang dianjurkan oleh badan-badan lain, pasokan ini tidak pernah ketinggalan menyumbangkan dan turut mempersembahkan pertunjukan-pertunjukan tertentu seperti nyanyian, drama dan seumpamanya. Adakalanya menganjurkan pertunjukan-pertunjukan seperti ini untuk memungut derma bagi satu-satu badan kebajikan umpamanya atau untuk menambahkan tabong kewangan mereka.

Kerja-kerja Amal Untuk Masyarakat

Pengakap dengan dasarnya yang suka menolong itu dapat dilihat daripada kerja-kerja amal yang dijalankan oleh persatuan ini. Mereka memberikan khidmat-khidmat sukarela mereka misalnya dalam pesta-pesta sukan atau mengendalikan kerja-kerja untuk persediaan bagi satu-satu perayaan tertentu. Disamping itu mereka juga mengadakan kerja-kerja bergotong royong membersihkan kawasan-kawasan tertentu seperti kawasan-kawasan kampong berdekatan dalam usaha menyambut kempen kebersihan misalnya. Persatuan ini pernah menjalankan usaha menolong mangsa-mangsa banjir dengan mengutip pakaian-pakaian daripada penduduk di kawasan ini untuk didermakan kepada mangsa-mangsa banjir sedikit masa dahulu.

1. b) Aktiviti-aktiviti Gerakan Persatuan Wanita

Sesuai dengan pertubuhan ini yang bertujuan untuk memberi peluang kepada golongan wanita menjalankan aktiviti-aktiviti

secara berkumpulan bagi kebaikan wanita sendiri dan masyarakat keliling annya, maka kita dapati aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh persatuan ini adalah amat sesuai dengan tujuan-tujuan tadi. Daripada 68 orang ahli didapati lebih kurang 75% daripadanya adalah suri-suri rumahtangga. Untuk menyesuaikan dengan keadaan ini, maka kebanyakan daripada aktiviti-aktivitinya adalah ditumpukan kepada hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan rumahtangga. Selain daripada menyuarat dan perjumpaan-perjumpaan tertentu aktiviti-aktiviti persatuan ini adalah seperti:

Masakan Dan Jahitan

Persatuan ini telah mengadakan kelas-kelas masakan dan jahitan yang diberikan secara percuma untuk ahli-ahlinya. Kelas-kelas ini adalah dikendalikan selalunya oleh ketua-ketua dalam persatuan ini yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang masakan dan jahitan tadi. Disamping itu mereka juga mendapat kerjasama daripada KEMAS (Kelas Kemahiran Kemajuan Masyarakat) yang menyediakan pengajar-pengajar untuk memberi tunjukajar di dalam kelas-kelas masakan dan jahitan tadi. Kelas-kelas ini diadakan dua kali seminggu iaitu sekali untuk kelas masakan dan sekali untuk jahitan.

Masa yang diambil untuk kelas-kelas ini adalah lebih kurang dua jam dan diadakan diwaktu petang dimana waktu-waktu beginilah yang merupakan masa lapang ahli-ahli itu. Kelas ini adalah merupakan satu kelas yang tidak 'formal' dan dengan itu disamping tujuan-tujuan u memberi pelajaran ini, kelas ini juga boleh merupakan satu tempat berkumpul dan bertukar-tukar fikiran. Pengajar atau guru masakan itu akan memberikan resepi-resepi masakan itu, dan kemudian mereka akan bersama-

sama menolong untuk menyediakan masakan itu.

Mengenai perbelanjaan untuk bahan-bahan masakan itu, mereka menggunakan wang persatuan. Wang ini kemudiannya akan didapati semula dengan sedikit keuntungan dengan cara menjual hasil masakan tadi kepada ahli-ahli. Setiap ahli dikenakan membeli sebahagian kecil daripada masakan itu untuk mendapatkan kembali wang persatuan tadi. Walaubagaimana pun setiap ahli hanya mengeluarkan antara 10 hingga 30 sen untuk itu dan ini dirasakan tidak menjadi keberatan kepada ahli-ahli jika dibandingkan dengan pelajaran yang mereka dapati daripada aktiviti ini.

Dalam kelas jahitan, disebabkan persatuan ini tidak mempunyai alat-alat untuk tujuan ini, maka setiap ahli terpaksa menyediakannya sendiri. Di dalam kelas ini ahli-ahli diajar cara-cara memotong pakaian, menjahit atau mengait (knitting). Disebabkan oleh masa yang singkat untuk kelas ini maka selalunya ahli-ahli akan menghabiskan kerja-kerja menjahit dan sebagainya itu dirumah setelah mendapat pertunjuk daripada guru kelas-kelas jahitan ini. Pelajaran dan pengetahuan jahitan yang didapati daripada persatuan-persatuan ini memberi faedah yang besar kepada ahli-ahlinya dimana mereka dapat menggunakan pengetahuan-pengetahuan ini umpamanya untuk membuat pakaian sendiri atau keluarga mereka.

Projek-projek Tanaman

Selaras dengan rancangan buku hijau kerajaan, persatuan wanita ini juga ada menjalankan usaha-usaha bercucuk tanam. Walaupun persatuan ini sebenarnya tidak mempunyai kawasan-kawasan khas

untuk projek ini tetapi masaalah ini tidak menjejaskan semangat mereka kerana didapati mereka menjalankan usaha-usaha bercucuk tanam ini di kawasan rumah masing-masing. Daripada galakan-galakan yang diberikan oleh persatuan ini, kita dapati kebanyakan daripada ahli-ahli ini ada menjalankan projek tanaman ini, terutama tanaman sayur-sayuran.

Walaubagaimana pun persatuan ini sedang mencuba untuk mendapatkan satu kawasan khas untuk projek pertanian bagi persatuan ini. Dengan adanya satu kawasan khas untuk projek ini ahli-ahli akan diberikan peluang untuk menjalankan projek ini dengan cara memberikan sebahagian hasil pendapatannya daripada projek itu kepada persatuan. Dengan cara ini disamping memberi peluang kepada ahli-ahli itu untuk mendapatkan wang dapat pula menambahkan kewangan persatuan.

Gotong Royong Dan Lain-lain Kerja Sukarela Untuk Masyarakat

Kerja-kerja bergotong royong yang dijalankan oleh persatuan ini adalah sama seperti yang dijalankan oleh persatuan pengakap tadi. Malah dalam setengah-setengah keadaan dimana misalnya kerja gotong royong itu dijalankan bersama-sama dengan persatuan-persatuan lain seperti persatuan belia misalnya, maka kita dapat perhatikan yang mereka ini disamping sama-sama menjalankan kerja-kerja itu bertugas pula untuk menyediakan minuman-minuman misalnya untuk ahli-ahli yang bergotong royong tadi.

Persatuan ini banyak memberikan khidmat-khidmat sukarela untuk masyarakat baik di kawasan Jitra ini mahupun diluar daripada kawasan ini. Dalam masa-masa dimana di kawasan ini diadakan majlis-

majlis tertentu seperti majlis pertandingan membaca Al-Quran misalnya maka persatuan ini akan memberi kerjasama dalam usaha menyediakan persiapan-persiapan untuk majlis itu. Dalam keadaan yang lebih luas, mereka misalnya setiap tahun menyediakan dan menghadiahkan kueh-kueh untuk diberikan kepada askar-askar yang bertugas di kawasan-kawasan sempadan misalnya.

Pameran-pameran dan Pertandingan

Lanjutan daripada aktiviti-aktiviti memasak, menjahit serta lain-lain perusahaan kerajinan tangan, maka persatuan ini ada mengenjurkan pertandingan-pertandingan masakan, jahitan dan kerja-kerja tangan seperti ukiran atau gubahan-gubahan bagi ahli-ahlinya untuk menggalakkan mereka menggunakan pengetahuan yang diberikan di dalam kelas-kelas masakan dan jahitan oleh persatuan ini. Hasil-hasil gubahan ini akan digunakan untuk dipertandingkan pula dalam pameran dan pertandingan hasil-hasil daripada Gerakan Persatuan Wanita peringkat daerah dan seterusnya peringkat negeri.

Di dalam setiap kali pameran dan pertandingan baik diperingkat daerah mahupun negeri, persatuan ini tidak pernah ketinggalan untuk mengambil bahagian dengan menghantar barang-barang gubahan daripada ahli-ahli persatuan ini ke pameran dan pertandingan tersebut. Dengan adanya pertandingan ini disertai dengan hadiah-hadiah tertentu, maka didapati ahli-ahli persatuan ini sentiasa berusaha untuk cuba mencipta atau melahirkan barang-barang atau gubahan-gubahan tertentu. Jadi bagi ahli-ahli persatuan ini, kita dapati mereka sentiasa cuba untuk melahir-

kan idea-idea baru di dalam peniran dan pertandingan tadi.

Daripada peniran dan pertandingan tadi, ahli-ahli persatuan ini akan cuba untuk mempelajari bagaimana membuat hasil-hasil kerjatangan yang mereka lihat dipameran itu yang dihasilkan oleh persatuan-persatuan lain misalnya. Jadi daripada aktiviti-aktiviti menyertai pertandingan-pertandingan ini ahli-ahli persatuan ini berpendapat yang ianya merupakan satu cara bagaimana mereka dapat menambahkan pengetahuan dalam mencipta gubahan-gubahan dan hasil-hasil kerjatangan.

1. c) Aktiviti-aktitivi Persatuan Belia 4B Jitra

Persatuan Belia 4B Jitra ini di dalam menjalankan aktiviti-aktivitinya membentuk beberapa seksi-seksi khusus bagi jenis-jenis kegiatan yang dijalankan. Seksi-seksi itu adalah seperti berikut:

1. Seksi Kesenian dan Kebudayaan
2. Seksi Pelajaran
3. Seksi Sukan
4. Seksi Ekonomi dan Pertanian
5. Seksi Wanita

Tiap-tiap bahagian atau seksi ini diketui oleh seorang daripada ahli-ahli jawatankuasa persatuan ini yang bertanggungjawab di dalam aktiviti-aktiviti di bawah seksi yang dipegangnya.

Seksi Kesenian dan Kebudayaan

Aktiviti-aktiviti di bawah seksi ini adalah merupakan latihan-latihan seperti tarian-tarian, drama, nyanyian dan sewupamanya

yang diberikan kepada ahli-ahli yang berminat di dalam bidang ini. Guru-guru untuk mengajar tarian misalnya dijemput dari luar ataupun hanya diajar oleh ahli-ahli persatuan itu sendiri yang memang mempunyai kebolehan dan pengetahuan dalam soal ini. Tarian-tarian, drama dan sebagainya ini dipersembahkan dimasa-masa diadakan pertunjukan-pertunjukan pentas dihari-hari perayaan tertentu atau untuk menyertai pertandingan-pertandingan.

Seksi Pelajaran

Tujuan seksi ini dibentuk adalah untuk memberikan khidmat khidmat dalam bentuk pelajaran terutama pada murid-murid sekolah dengan mengadakan kelas-kelas tambahan secara percuma untuk murid-murid yang tinggal disekitar kawasan Jitra ini. Tetapi disebabkan oleh kekurangan tenaga pengajar di samping kurangnya sambutan maka kelas-kelas ini tidak dapat diadakan. Walaubagaimana pun seksi ini telah berusaha menyediakan bahan-bahan bacaan seperti akhbar, majallah-majallah dan buku-buku untuk ahli-ahlinya dan didalam jangka panjang berharap membentuk sebuah perpustakaan kecil untuk persatuan ini.

Seksi Sukan

Tidak adanya padang atau gelanggang permainan yang khas untuk pertubuhan ini, ditambah pula ada ahli-ahlinya yang menyertai kelab-kelab sukan di Jitra ini, maka aktiviti persatuan ini di dalam sukan bukanlah aktiviti harian. Aktiviti sukan persatuan ini merupakan aktiviti-aktiviti bermusim, iaitu bila adanya anjuran sukan daerah untuk persatuan-persatuan belia baharulah persatuan ini mengumpulkan ahli-ahlinya yang boleh bermain di dalam pemainan-permainan yang dianjurkan itu seperti bola sepak, sepak ragajaring, badminton dan bola jaring untuk mewakili

University of Malaya

persatuan ini. Dimasa begini baharulah mereka akan mengadakan latihan-latihan mukan itu.

Seksi Ekonomi dan Pertanian

Di dalam seksi ini aktiviti lebih ditumpukan pada pertanian. Dengan adanya kawasan untuk projek ini dan benoh yang diberikan oleh persatuan didapati 30 - 40% daripada belia-belia ini menjalankan projek tanaman ini. Tanaman yang diusahakan adalah sayor-sayoran yang senang dijaga seperti kacang panjang misalnya. Setiap ahli yang menjalankan projek tanaman ini dikehendaki menyumbangkan 20% daripada hasil perolehannya kepada persatuan. Cara ini lebih memberi galakkan kepada ahli-ahli untuk berusaha kerana mereka boleh mendapat hasil itu untuk mereka sendiri.

Seksi Wanita

Disebabkan lebih 30% ahli-ahli persatuan ini terdiri daripada perempuan, maka mereka menubuhkan seksi wanita ini. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh seksi ini adalah khas untuk perempuan iaitu aktiviti-aktiviti masak memasak, menjahit dan sebagainya. Mereka mengadakan perhimpunan mereka sendiri untuk menjalankan aktiviti-aktiviti ini dan tidak melibatkan ahli-ahli lelaki.

1. d) Aktiviti-aktiviti Persatuan Belia Cahaya Purnama (Belia MAYC)

Persatuan ini yang mempunyai bilangan ahli seramai 30 orang ini agak kurang aktivitinya jika dibandingkan dengan Persatuan Belia 4B tadi. Selain daripada mengadakan mesyuarat agong dan mesyuarat ahli jawatankuasa maka penulis dapati segala aktiviti-aktiviti yang

University of Malaya

dijalankan adalah berpusat di Komplex Belia Jitra dimana mereka sama-sama menyertai dalam aktiviti-aktiviti belia-belia daerah yang berkursus disitu.

Walaupun kita dapati persatuan ini tidak menjalankan aktiviti secara persendirian tetapi mereka sebenarnya lebih beruntung dengan cara ini kerana disamping menjalankan aktiviti yang diarahkan oleh jurulatih tertentu dapat pula peluang untuk bergaul dengan belia-belia lain yang datang berkursus kesini. Malah dengan cara ini lebih banyak aktiviti-aktiviti yang mereka jalankan. Aktiviti-aktiviti persatuan ini adalah hampir sama seperti aktiviti-aktiviti yang dikemukakan dalam Persatuan Belia 4B tadi.

1. c) <u>Aktiviti Asykar Wataniah</u>

Aktiviti-aktiviti pertubuhan Asykar Wataniah ini adalah lebih banyak yang berbentuk latihan. Latihan-latihan ini adalah latihan-latihan yang berbentuk ketenteraan iaitu latihan-latihan seperti yang diberikan untuk angkatan tentera. Latihan-latihan ini diberikan sekali atau selama 3 jam dalam seminggu iaitu dihari kelepasan (hari Jumaat). Penyertaan ahli-ahli di dalam aktiviti-aktiviti ini diberi ganjaran atau elaun-elaun mengikut jumlah masa ia hadhir di dalam aktiviti-aktiviti itu.

Salah satu daripada aktiviti-aktiviti atau acara latihan itu adalah berbaris dan berkawat (marching). Berbaris dan berkawat ini diadakan setiap kali dihari-hari latihan pertubuhan ini. Selain daripada itu asykar -asykar wataniah ini diberikan latihan cara-cara menggunakan

University of Malaya

senjata dan latihan-latihan menembak. Kadang-kadang jikalau masa latihan itu terkena pada hari hujan maka asykar-asykar wataniah ini diberikan penerangan mengenai ketenteraan ini secara tiori.

Latihan-latihan peperangan diberikan kepada asykar-asykar wataniah ini, iaitu diadakan perkhemahan di kawasan hutan dan disini mereka mempelajari bagaimana mendirikan khemah, memasak dan sebagainya disamping latihan berperang itu sendiri. Latihan-latihan ini adalah untuk membiasakan asykar-asykar wataniah ini dengan cara-cara berperang terutama peperangan di dalam hutan.

Selain daripada aktiviti-aktiviti yang berbentuk latihan ini mereka diberi peluang atau ditugaskan untuk menjaga dan mengawal di-tempat-tempat penting yang harus diawasi seperti tempat-tempat bekalan air dan sempamanya. Mereka juga sebagaimana yang dapat dilihat sekarang ini ditugaskan menjaga ditempat-tempat sekatan pihak Lembaga Padi dan Beras Negara untuk mengawal penyeludupan beras diantara negeri-negeri seperti dijalan raya sempadan negeri Perlis dan Kedah, Kedah dan Pulau Pinang sebagai misalannya.

<u>Aktiviti-aktiviti Rela (Ikatan Relawan Raayat)</u>

Penulis menghadapi sedikit masalah di dalam melihat aktiviti-aktiviti pertubuhan Rela ini,[1] tetapi walaubagaimana pun penulis akan cuba memperhatikannya melalui beberapa tujuan-tujuan penting pen-satuan ini. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Samad Idris

---

[1]Pertubuhan Rela ini tidak dapat memberikan maklumat-maklumat tertentu kerana hal-hal mengenai Rela ini dianggap sulit.

University of Malaya

memberikan beberapa tujuan-tujuan utama pertubuhan Rela ini:

1. Untuk melawan dan menghapuskan anasir-anasir komunis;

2. Mengawal anasir-anasir anti-nasional dan 'subversive';

3. Melancarkan gerakan menentang pengedar-pengedar dadah (drug pushers)

4. Penduduk-penduduk, melalui aktiviti-aktiviti Rela ini akan mengujudkan semangat persahabatan (friendship) dan bekerjasama antara mereka.[2]

Melihat kepada tujuan-tujuan persatuan ini, maka tentunya aktiviti-aktiviti persatuan ini adalah berkisar diantara tujuan-tujuan itu. Untuk melawan anasir-anasir komunis, anti-nasional dan subversive tentunya ahli-ahli pertubuhan Rela ini harus mengadakan kempen-kempen tertentu dikalangan penduduk-penduduk kawasan ini. Mereka harus menjalankan usaha-usaha untuk membimbing masyarakat agar tidak terpengaruh dengan anasir-anasir jahat ini dan disamping itu menanam semangat menyokong kerajaan dalam usaha menghapuskan anasir-anasir ini.

Aktiviti mereka tentunya juga seperti seorang pengawal yang mengawal ketenteraman kawasan ini. Mereka misalnya boleh menangkap seseorang tanpa waran sekiranya disyaki melakukan sesuatu yang menyalahi undang-undang keselamatan negara.[3] Disini kelihatan aktiviti-aktiviti

---

[2]Lihat Akhbar The Malay Mail, Monday, November 10, 1975.

[3]Lihat Utusan Malaysia, 27 Oktober 1975.

mereka adalah untuk mengawal dan menangkap orang-orang yang menyalahi undang-undang keselamatan negara. Mereka membantu kerajaan untuk menjaga kestabilan dan keamanan negara.

Kadetsa   Masaalah pengedaran dan penyalahan gunaan dadah adalah merupakan penyakit negara yang paling merbahaya sekarang ini. Anggota anggota Rela menjalankan kegiatan-kegiatan untuk mengesan perbuatan mengedar dadah ini. Mereka dalam hal ini mungkin merupakan pengintip yang cuba mengesan perkara-perkara ini. Dengan aktiviti-aktiviti mereka ini sebagai pengintip tentunya perkara merebaknya penyalah gunaan dadah ini akan dapat diatasi.

Selain daripada aktiviti-aktiviti yang disebutkan tadi, pertubuhan ini juga menjalankan aktiviti-aktiviti sosial sebagaimana terdapat dalam pertubuhan-pertubuhan yang lain tadi. Bekerjasama atau bergaul dengan masyarakat dengan lebih rapat dalam usaha untuk cuba mengujudkan perpaduan di kalangan penduduk. Walaubagaimana pun aktiviti persatuan ini adalah sangat sesuai atau mustahak kerana ianya dapat menolong mengekalkan ketenteraman negara dan keharmonian kaum.

(ii) <u>Penyertaan Di Dalam Aktiviti-aktiviti</u>

Daripada berbagai-bagai aktiviti yang dijalankan oleh persatuan-persatuan tadi, penulis akan cuba melihat bagaimana pandangan sikap dan sambutan ahli-ahli tentang aktiviti-aktiviti persatuan-persatuan itu. Besar atau kecilnya aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan adalah berhubung rapat atau bergantung atas kerjasama ahli-ahli. Semakin ramai ahli-ahli yang mengambil bahagian semakin besarlah

aktiviti yang dapat dijalankan. Dalam pada itu berjaya atau tidaknya aktiviti-aktiviti itu bergantung pula pada bersungguh-sungguh atau tidaknya ahli-ahli dalam menjalankan tugas-tugas itu.

Sambutan

Penulis akan melihat secara umum tentang sambutan ahli-ahli persatuan sukarela ini terhadap aktiviti-aktiviti persatuan yang mereka masuki itu. Sambutan terhadap aktiviti-aktiviti ini dilihat daripada kekerapan mereka hadhir dalam aktiviti-aktiviti itu dan peranan yang mereka jalankan, iaitu samada mereka mengambil bahagian yang aktif atau sekadar menjadi pengikut atau hadhir hanya untuk meramaikan kumpulan kerja itu sahaja.

JADUAL 4.1

JADUAL MENUNJUKKAN PEMBAHAGIAN KADAR KEHADHIRAN AHLI-AHLI DALAM AKTIVITI-AKTIVITI PERSATUAN

| No. | KEHADHIRAN AHLI-AHLI DALAM MENJALANKAN AKTIVITI | Bilangan | Peratus |
|---|---|---|---|
| 1. | Sangat memuaskan | 21 | 21% |
| 2. | Memuaskan | 24 | 24% |
| 3. | Sederhana | 33 | 33% |
| 4. | Kurang memuaskan | 10 | 10% |
| 5. | Sangat kurang memuaskan | 12 | 12% |
| | | 100 | 100% |

Jadual 4.1 ini dibuat berdasarkan kepada jawapan-jawapan yang diberikan oleh 100 respondent dari 6 buah persatuan-persatuan sukarela di Jitra ini. Pengklasan kadar kehadhiran ke dalam 6 kategori ini di-asaskan kepada jumlah kehadhiran seorang ahli itu dibandingkan dengan jumlah hari dalam sebulan persatuan-persatuan itu menjalankan aktiviti-aktivitinya. Faktor kehadhiran dalam aktiviti-aktiviti ini dapat menunjukkan setakat mana aktiviti-aktiviti itu menarik minat ahli-ahli disamping memperlihatkan semangat dan keaktifan ahli-ahli itu.

Jadual kadar kehadhiran ahli dalam aktiviti-aktiviti (Jadual 4.1) ini merupakan satu jadual yang menyeluruh, iaitu merangkumi ke enam-enam buah persatuan sukarela di Jitra ini. Apa yang sebenarnya berlaku ialah adanya perbezaan-perbezaan tentang kehadhiran diantara setiap persatuan itu. Pertubuhan Angkatan Wataniah misalnya merupakan satu pertubuhan yang kadar kehadhiran ahli-ahlinya adalah paling tinggi sementara persatuan-persatuan belia mengalami masaalah kehadhiran yang kurang memuaskan di dalam menjalankan aktiviti-aktiviti persatuan.

Adanya perbezaan tentang kadar kehadhiran atau penyertaan di dalam aktiviti-aktiviti ini boleh disebabkan oleh beberapa perkara. Setengah-setengah ahli kurang berminat dengan beberapa aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh persatuan-persatuan itu. Masaalah tidak berminat ini boleh merupakan kepada sebab-sebab mereka tidak menyertai aktiviti-aktiviti itu. Bagi pertubuhan Angkatan Wataniah, adanya elaun-elaun yang dibayar mengikut kadar kehadhiran mereka di dalam aktiviti-aktiviti pertubuhan ini berfungsi sebagai faktor yang mendorong mereka untuk hadhir dalam setiap kali aktiviti-aktiviti persatuan itu dijalankan.

University of Malaya

Kepuasan-kepuasan Yang Di Perolehi Daripada Aktiviti-aktiviti Itu

Untuk melihat bagaimana pandangan ahli-ahli terhadap aktiviti-aktiviti yang pernah mereka sertai itu, penulis akan cuba melihatnya berasaskan kepada bagaimana perasaan ahli-ahli itu terhadap aktiviti-aktiviti yang pernah diikutinya. Dengan itu dapatlah dilihat bagaimana ahli-ahli itu menilaikan aktiviti-aktiviti persatuan-persatuan itu. Apakah aktiviti-aktiviti itu sebenarnya dapat memberikan kepuasan-kepuasan tertentu kepada mereka atau ianya tidak memberikan apa-apa makna dan menjemukan.

JADUAL 4.2

JADUAL MENUNJUKKAN PILIHAN RESPONDENT TERHADAP PERASAAN-PERASAAN DAN NILAIAN MEREKA DALAM MENYERTAI DAN MENJALANKAN AKTIVITI-AKTIVITI PERSATUAN

| No. | SIKAP DAN PERASAAN | Jumlah | Peratus |
|---|---|---|---|
| 1. | Megah dan berbangga | 17 | 17% |
| 2. | Seronok dan gembira | 44 | 44% |
| 3. | Rasa beruntung | 27 | 27% |
| 4. | Menjemukan/tidak seronok | 3 | 3% |
| 5. | Tidak merasa apa-apa | 5 | 5% |
| 6. | Tidak tahu | 1 | 1% |
| 7. | Lain daripada perkara di atas | 3 | 3% |
| | | 100 | 100% |

Daripada jadual 4.2 ini kita dapati 44% merasa seronok dan gembira bila mereka menjalankan aktiviti-aktiviti persatuan-persatuan

University of Malaya

itu. Ini dapat menunjukkan yang aktiviti-aktiviti yang pernah disertai oleh ahli-ahli itu sebenarnya adalah menarik dan menyeronokkan atau aktiviti-aktiviti itu memang sesuai dengan kehendak ahli-ahli itu, 27% merasa beruntung dapat memperlihatkan yang aktiviti-aktiviti itu memberi banyak faedah seperti pelajaran-pelajaran yang berguna kepada ahli-ahli, 17% yang merasa megah dan berbangga ini mungkin timbul dari sikap mereka yang merasakan dengan menjalankan aktiviti-aktiviti itu tadi mereka telah dapat berbakti pada masyarakat dan negara saya.

Daripada jadual 4.2 ini kita dapati melihat yang kebanyakan (80%) daripada ahli-ahli persatuan itu memandang baik kepada aktiviti-aktiviti persatuan itu. Kepuasan-kepuasan yang dapat diberikan oleh persatuan-persatuan melalui aktiviti-aktiviti itu sebenarnya menjadi satu faktor penting yang boleh membuat ahli-ahli itu terus mahu kekal di dalam persatuan-persatuan itu, 12% lagi yang setengahnya merasa bosan atau menganggap aktiviti-aktiviti persatuan itu tidak seronok atau menjemukan mungkin dari kalangan ahli-ahli yang memasuki persatuan-persatuan itu hanya untuk menjadi ahli sahaja.

Walaubagaimana pun kedapatan ahli-ahli yang tidak begitu tertarik dengan aktiviti-aktiviti itu. Mereka ini mungkin terdiri dari golongan yang dianggap tidak aktif dan memasuki persatuan itu hanya lah sekadar untuk menjadi ahli tetapi tidak pernah bergiat atau mengambil inisiatif yang lebih untuk memajukan atau menjayakan persatuan-persatuan itu. Mereka ini seolah-olah cuma merupakan orang-orang yang menyokong persatuan-persatuan itu dan untuk memperlihatkan sikap sokongannya itu, ia turut menjadi ahli-ahli persatuan itu walaupun sebenarnya ia tidak begitu berminat untuk sama-sama menjalankan aktiviti-aktiviti itu.

University of Malaya

(iii) Keuangan Persatuan

Untuk mengurus dan menjalankan aktiviti-aktiviti persatuan soal keuangan adalah mustahak. Segala aktiviti dan urusan persatuan memerlukan perbelanjaan-perbelanjaan tertentu mengikut kecil atau besarnya aktiviti dan urusan-urusan yang akan dijalankan itu. Oleh itu tanpa keuangan yang cukup, persatuan tidak akan dapat berjalan dengan lancar. Penulis akan membincangkan cara bagaimana persatuan-persatuan itu mendapat sumber keuangannya.

1. Derma dan sumbangan-sumbangan daripada orang perseorangan dan badan-badan tertentu;
2. Yuran yang dipungut dari ahli-ahli;
3. Hasil atau keuntungan daripada kerja atau projek yang dijalankan oleh persatuan;
4. Bantuan atau 'sponsorship' daripada kerajaan.

Derma

Derma adalah dimaksudkan kepada sumbangan-sumbangan yang diberikan oleh individu-individu, persatuan-persatuan atau syarikat-syarikat perniagaan dan seumpamanya di dalam bentuk wang atau pun barang-barang. Derma-derma ini diberikan oleh individu dan badan-badan tertentu tadi adalah disebabkan oleh pandangan mereka terhadap projek-projek atau tujuan-tujuan persatuan itu yang mereka anggap sangat berfaedah dan berguna. Dengan itu mereka bersedia menghulurkan derma-derma itu bilamana persatuan-persatuan itu menghadapi kesulitan wang untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka.

University of Malaya

Cara ini tidak begitu 'popular' kerana seboleh-bolehnya persatuan-persatuan ini cuba untuk tidak meminta derma daripada orang ramai misalnya. Perbuatan ini dirasakan tidak begitu baik kerana ini akan menimbulkan pandangan yang tidak menyenangkan dari kalangan masyarakat disini. Walaubagaimana pun persatuan-persatuan seperti Persatuan Belia dan Pengakap ada pernah memungut derma-derma seperti ini tetapi bukan lah untuk tujuan persatuan itu semata-mata. Derma-derma yang dipungut ini selalunya adalah untuk menjalankan projek-projek atau kerja-kerja yang membawa kebaikan untuk masyarakat tempat ini juga.

Yuran

Tiga buah daripada persatuan-persatuan yang dikaji ini iaitu Gerakan Persatuan Wanita, Pertubuhan Belia 4B dan Persatuan Belia Cahaya Purnama (MAYC) mengenakan yuran bagi ahli-ahlinya. Yuran yang dikenakan adalah yuran masuk menjadi ahli,[4] dan seterusnya yuran bulanan atau tahunan setelah masuk menjadi ahli. Tujuan dikenakan yuran ini adalah untuk mendapatkan wang bagi persatuan-persatuan itu. Mengikut Chowdhry:

> "....the principle of charging a yearly subscription from the members is a very useful method inasmuch as its payment demonstrates a measure of responsibility among the members and at the same time assures voluntary organisations of a regular, though small income."[5]

---

[4]Dikenakan sekali sahaja iaitu pembayaran semasa mendaftar untuk menjadi ahli persatuan-persatuan itu.

[5]D. Paul Chowdhry. Voluntary Social Welfare In India, Sterling Publishers (P) Ltd. New Delhi, 1971, m.s. 68.

University of Malaya

Daripada wang yang berbentuk yuran masok menjadi ahli, dan yuran tahunan, persatuan-persatuan ini sudah mendapat jaminan yang mereka akan mendapat sejumlah wang yang tetap, walaupun kecil jumlahnya daripada yuran-yuran tadi. Disamping itu pembayaran yuran ini dapat menunjukkan setakat mana perasaan tanggongjawab ahli-ahli terhadap persatuan itu. Yuran yang dikenakan itu tidaklah begitu besar jumlahnya, dan daripada tiga buah persatuan ini penulis dapati yuran-yuran yang dikenakan adalah kecil dan tidak menjadi penghalang kepada orang ramai untuk menyertai persatuan ini.

JADUAL 4.3

JUMLAH YURAN YANG DIKENAKAN OLEH TIGA BUAH DARIPADA PERSATUAN-PERSATUAN YANG DIKAJI INI

| No. | Persatuan | Yuran Masuk | Yuran Tahunan |
|---|---|---|---|
| 1. | Gerakan Persatuan Wanita Jitra | $1.00 | $1.20 |
| 2. | Persatuan Belia 4B Jitra | $1.20 | $1.80 |
| 3. | Persatuan Belia Cahaya Purnama Jitra (MAYC) | $1.00 | $1.80 |

Kalau dilihat kepada jumlah yuran yang dikenakan itu maka dapatlah dikatakan yang setiap ahli tidak akan mengalami apa-apa masaalah di dalam menyediakan wang yuran tersebut. Wang-wang yuran ini boleh juga dijelaskan secara bulanan dengan tujuan agar ahli-ahli tidak akan merasakan beban membayar yuran itu sekali gus. Jumlah bayaran yuran yang rendah ini bertujuan memberi peluang supaya semua golongan masyarakat mampu untuk menyertainya.

<u>Hasil Atau Keuntungan Daripada Kerja Atau Projek Yang Dijalankan Oleh Persatuan</u>

Empat daripada enam buah persatuan-persatuan ini mendapat atau menambah sumber keewangan masing-masing dengan cara ini, kecuali pertubuhan Asykar Wataniah dan Rela. Kerja-kerja atau projek itu adalah dijalankan oleh ahli-ahli secara beramai-ramai dan hasilnya adalah untuk tabong persatuan atau dijalankan oleh beberapa orang tertentu dalam persatuan itu dan sebahagian kecil daripada pendapatan itu ditolak kepada persatuan kerana pekerjaan-pekerjaan itu adalah melalui persatuan-persatuan.

Ada berbagai-bagai cara persatuan-persatuan ini mendapat keewangan dengan jalan ini. Mereka menganjurkan pertunjukkan-pertunjukkan tertentu seperti pesta ria misalnya dengan tujuan untuk menambahkan keewangan persatuan. Pasokan pengakap mengadakan 'minggu kerja' dimana ahli-ahlinya keluar menjalankan kerja-kerja di rumah-rumah disekitar kawasan ini dan derma yang didapati untuk kerja-kerja dimasukkan ke dalam tabong persatuan.

Persatuan-persatuan belia menjalankan kerja-kerja yang di tawarkan oleh kepada mereka secara beramai-ramai dan wang upahan itu adalah untuk persatuan. Begitu juga dengan projek-projek tanaman mereka, 20% daripada hasilnya diberikan kepada persatuan. Gerakan Persatuan Wanita selalu mengadakan gerai-gerai jualan makanan di dalam masa keramaian-keramaian tertentu dengan menggunakan modal dan wang persatuan dan pendapatan daripada jualan-jualan seperti ini menghasilkan banyak keuntungan bagi persatuan itu.

University of Malaya

Bantuan-bantuan Daripada Kerajaan

Dua buah persatuan iaitu Asykar Wataniah dan Rela mendapat bantuan penoh daripada kerajaan untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya. Persatuan-persatuan ini adalah dikawal secara langsung oleh kerajaan dan elaun-elaun misalnya diberikan untuk ahli-ahli Asykar Wataniah. Persatuan Asykar Wataniah mendapat peruntukan-peruntukan khas daripada Kementerian Pertahanan sementara Rela terletak di bawah kelolaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Jadi persatuan-persatuan ini tidak mengalami masaalah keewangan dan mereka tidak perlu menjalankan usaha-usaha untuk mendapatkan keewangan dengan tiga cara yang disebutkan tadi.

Bagi persatuan lain Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui pejabat Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Kedah hanya akan memberi bantuan-bantuan sekiranya persatuan-persatuan itu hendak mengadakan satu-satu projek tertentu. Pada persatuan-persatuan belia bantuan akan diberikan bilamana persatuan-persatuan ini hendak menjalankan satu projek yang agak besar terutamanya projek-projek pertanian. Tanpa projek-projek tertentu bantuan-bantuan serupa ini tidak akan diberikan.

Pertubuhan-pertubuhan pengakap juga mendapat sedikit dari keewangannya melalui cara ini. Sebagai kesimpulannya soal keewangan ini bagi persatuan-persatuan selain daripada Asykar Wataniah dan Rela harus diusahakan sendiri oleh persatuan-persatuan itu. Walaubagaimana pun langkah kerajaan yang hanya akan memberi bantuan sekiranya ada projek-projek tertentu ini merupakan satu langkah yang baik. Dengan itu persatuan-persatuan ini akan lebih berusaha untuk mengadakan projek-projek tertentu, dan projek ini sudah tentu akan mendatang keuntungan kepada persatuan-persatuan itu yang mana nanti akan dapat menambahkan lagi tabong keewangan mereka.

## BAB 5

## PEMIMPIN DAN KEPIMPINAN

### (i) Pendahuluan

Kepimpinan adalah "the quality of the behaviour of the individuals whereby they guide people or their activities in organised efford".[1] Sifat-sifat daripada perlakuan-perlakuan individu dimana mereka ini memimpin individu-individu lain atau kegiatan-kegiatan mereka dalam satu bentuk persatuan. Kepimpinan adalah merupakan sifat atau perlakuan daripada perbuatan seorang pemimpin yang membimbing sesuatu organisasi itu, atau dengan lain-lain perkataan, kepimpinan adalah apa yang dilakukan oleh pemimpin dalam usaha menganjurkan aktiviti ahli-ahli perkumpulan untuk mencapai sesuatu tujuan menerusi pengawalan pemimpin-pemimpin ini.

Seorang pemimpin pada anggapan masyarakat di kawasan bandaran Jitra ini umumnya adalah merupakan seorang ketua yang mana diharapkan memimpin orang-orang lain dalam usaha-usaha untuk mencapai sesuatu matlamat. Hal ini dapat diperhatikan dari kedudukan ketua atau pemimpin itu yang mendapat sokongan ramai dan dikagumi oleh pengikut-pengikut dan masyarakat seluruhnya. Pemimpin atau ketua-ketua ini dianggap sebagai seorang yang berkebolehan, dan mempunyai pengetahuan serta pengalaman yang agak luas. Dari anggapan-anggapan bahawa pemimpin itu merupakan orang yang mempunyai kelebihan dan kebolehan-kebolehan tertentu maka mereka diberi kepercayaan oleh masyarakat itu untuk memimpin

---

[1] Chester Barnard, "The Nature of Leadership" dalam Organization and Management - Selected Papers (Cambridge, Mass, Harward University Press) 1949, m.s. 83.

Timbulnya pemimpin-pemimpin ini adalah melalui beberapa cara:

(a) Hasil daripada persetujuan-persetujuan dikalangan ahli-ahli kumpulan yang setengah individu mempunyai kelebihan atau keistimewaan daripada orang-orang lain. Dari persetujuan ini mereka melantik seseorang itu menjadi pemimpin.

(b) Pemimpin ujud hasil daripada adanya tujuan-tujuan tertentu dimana memerlukan sekumpulan orang-orang lain untuk menolong memenuhi tujuannya itu.

(c) Pemimpin yang bukan dipilih oleh satu-satu kumpulan itu, tetapi dilantik dan diberikuasa untuk mengawal dan membimbing, oleh satu badan diluar perkumpulan itu.

Dari tiga cara inilah selalunya bagaimana pemimpin-pemimpin itu ujud. Tiap-tiap cara penglahiran pemimpin-pemimpin mempunyai tujuan-tujuan serta masaalah-masaalah yang berlainan. Sebagai misalan - pemimpin yang dilantik oleh badan-badan diluar dari perkumpulan ini akan menghadapi masaalah yang lebih berat daripada pemimpin-pemimpin yang lahir dari pemilihan dan persetujuan kumpulan-kumpulan itu sendiri. Dalam hal ini selalunya tujuan yang mereka bawa melalui aktiviti-aktiviti kumpulan itu adalah tujuan-tujuan daripada mereka-mereka yang melantiknya sebagai pemimpin dan bukan tujuan-tujuan daripada perkumpulan itu.

(ii) <u>Pemimpin Masyarakat</u>

Pemimpin-pemimpin masyarakat ini adalah dimaksudkan kepada

orang-orang yang merupakan ketua di dalam institusi-institusi tertentu di dalam masyarakat atau ketua bagi keseluruhan masyarakat itu. Mereka-mereka inilah yang akan memimpin masyarakat itu agar ujudnya solidarity dan perpaduan dalam masyarakat. Bila keadaan keharmonian ini ujud, maka dapatlah mereka menumpukan perhatian bagi pembangunan dan kemajuan dalam masyarakat itu. Merekalah selalunya yang menjadi semacam orang perantaraan diantara kerajaan dengan masyarakat seluruhnya. Merekalah yang dianggap sebagai orang-orang yang boleh memberi penerangan tentang satu-satu rancangan kerajaan yang mahu dijalankan.

Disamping menjadi seperti orang tengah antara kerajaan dan orang ramai, pemimpin-pemimpin ini adalah juga menjadi tempat masyarakat di Jitra ini bertumpu untuk satu-satu masaalah. Pemimpin-pemimpin ini diharapkan bagi menyelesaikan masaalah-masaalah yang mereka hadapi itu. Hal ini berlaku disebabkan kebanyakan orang dalam masyarakat Jitra ini menganggap yang pemimpin-pemimpin inilah yang akan dapat menyelesaikan apa-apa masaalah dan permintaan mereka dengan lebih berkesan. Dan senengnya dimana-manapun pemimpin itu harus mempunyai dua ciri yang asas ini iaitu:

> "Pemimpin-pemimpin diperingkat kampong seperti juga pemimpin-pemimpin lain, mempunyai dua ciri penting (a) mereka lebih terlibat dalam mengambil bahagian dalam politik (b) mereka lebih sedar dan menunjukkan minat yang lebih dalam menyelesaikan masaalah-masaalah awam dan mendapat sokongan awam."2

Disini pengkaji akan cuba memberikan beberapa jenis pemimpin-pemimpin masyarakat, berasaskan kepada institusi-institusi tertentu seperti

---

2M. Ahmad Hussein, "Struktur Kepimpinan Di Dalam Pembangunan Luar Bandar" dalam Dewan Masyarakat, DBP., Jilid X111, Bil. 7, Julai 1975.

pelajaran, pentadbiran, ugama dan politik. Penulis hanya akan cuba menumpukan pada institusi-institusi ini sahaja walaupun masih ada lain-lain institusi yang mempunyai pemimpin-pemimpin yang boleh dianggap sebagai pemimpin masyarakat.

Pemimpin Pelajaran

Pekan Jitra yang merupakan sebuah pekan kecil yang mempunyai penduduk dari empat bangsa iaitu Melayu, China, India dan Siam, ini sedang berubah kepada unsur-unsur pembandaran. Oleh itu kita dapati adanya kesedaran yang tinggi dikalangan penduduk-penduduk disini tentang pentingnya pelajaran. Dan untuk menampung keperluan pelajaran kanak-kanak di Pekan Jitra ini, kerajaan telah mendirikan dua buah sekolah rendah[3] dan sebuah sekolah menengah[4]. Disamping itu terdapat sebuah sekolah jenis Kebangsaan China.

Dengan adanya institusi pelajaran seperti sekolah rendah dan menengah inilah maka ujudnya pemimpin-pemimpin pelajaran tadi. Dalam bidang pelajaran ini sebenarnya Pegawai Pelajaran Negeri di Alor Star lah yang mempunyai kuasa di atas perjalanan pelajaran dan sekolah-sekolah disini. Tetapi pada masyarakat di Jitra ini guru-guru besar sekolahlah yang merupakan pemimpin-pemimpin dan ketua yang boleh dihubungi berhubung dengan soal-soal pelajaran. Walaupun umumnya tiap-tiap sekolah itu mempunyai Ahli Jemaah Pengelola masing-masing yang terdiri dari wakil-wakil kerajaan, wa il ibubapa dan sebagainya, tetapi segala penumpuan masaalah-

---

[3]Sekolah Kebangsaan Jitra, dan Sekolah Sultan Ahmad Tajuddin Jitra, iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan (Inggeris).

[4]Sekolah Menengah Jitra.

University of Malaya

masaalah adalah diharapkan kepada gurubesar menyelesaikannya.

Pemimpin dalam Institusi Pentadbiran

Pekan Jitra merupakan pusat pentadbiran bagi Daerah Kubang Pasu, oleh itu terdapatlah pejabat daerah, balai polis, mahkamah rendah dan sebagainya. Pemimpin dalam bidang pentadbiran ini agak susah untuk ditentukan. Daripada interview yang dijalankan didapati agak sukar untuk menentukan mana satu pemimpin yang lebih berkuasa diantara Pegawai Polis dengan Pegawai Daerah, tetapi 70% daripada orang-orang yang diinterview bersetuju yang kedua-dua pemimpin ini mempunyai kepentingan masing-masing iaitu polis di dalam soal-soal yang bersangkutan dengan keamanan dan pegawai daerah dalam hal pentadbiran.

Orang-orang inilah yang mereka anggap sebagai ketua atau pemimpin, dan segala masaalah berimbung dengan keamanan dan pentadbiran adalah dirujuk atau ditumpukan kepada pemimpin-pemimpin ini. Disebabkan Pekan Jitra ini banyak diduduki oleh pegawai-pegawai kerajaan, guru-guru, kerani-kerani dan sebagainya, maka penghulu agak kurang diperlui walaupun kadang-kadang ada juga perkara-perkara kecil yang harus mereka berurus dengan penghulu. Tapi pada keseluruhannya penghulu masih dianggap sebagai pemimpin yang masih penting disetengah-setengah kalangan di Jitra ini.

Pemimpin Ugama

Dalam hal pemimpin ugama ini pengkaji hanya akan menumpukan pada pemimpin ugama Islam dan pengkaji tidak berniat untuk menyentuh pemimpin-pemimpin ugama yang lain. Sesuai dengan dasar ugama Islam sebagai ugama rasmi maka di Jitra terdapat sebuah pejabat ugama dengan seorang Kadhi.

Kadhi inilah yang dianggap sebagai pemimpin atau ketua dalam apa-apa juga hal yang bersangkut dengan ugama Islam, umpamanya perkahwinan dan penceraian, penerangan-penerangan mengenai hal ugama, zakat dan sebagainya adalah ditumpukan kepada kadhi ini bagi mendapat keterangan-keterangan. Walaupun misalnya ada guru-guru ugama, imam-imam serta lain-lain orang yang tahu mengenai ugama tetapi penduduk-penduduk akan lebih berpuashati dan yakin dengan pendapat yang dikeluarkan oleh kadhi sendiri. Kadhi ini adalah bertugas bagi menjaga tentang tatatertib dalam hal ugama Islam yang juga nanti diharapkan untuk ujudnya keamanan dan ketenteraman dalam masyarakat itu.

Pemimpin Politik

Pemimpin politik bagi kawasan Pekan Jitra ini adalah ditumpukan kepada wakil raayat, dan wakil raayat kawasan Jitra ini adalah dari parti Barisan Nasional. Sama seperti di kawasan-kawasan lain wakil raayat ini adalah menjadi pemimpin di kawasan itu dan segala masaalah-masaalah berkaitan dengan politik adalah tertumpu kepada wakil raayat ini.

Wakil raayat inilah yang berfungsi sebagai orang tengah antara kerajaan dengan raayat. Segala permintaan dan teguran raayat kepada kerajaan disampaikan melalui wakil raayat ini. Yang Berhormat atau wakil raayat ini memang populer dikalangan penduduk-penduduk di Jitra ini dan ianya menduduki diperingkat paling atas dalam susunan pemimpin-pemimpin tadi mengikut anggapan atau pandangan penduduk-penduduk kawasan pekan Jitra ini. Ini adalah kerana mereka merasai yang wakil raayat ini mempunyai kuasa untuk menyampaikan kehendak-kehendak serta masaalah-masaalah mereka kepada kerajaan dengan lebih sempurna.

(iii) Pemimpin-pemimpin Pertubuhan atau Persatuan-persatuan Sukarela

Dengan adanya persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan sukarela tadi maka timbullah satu golongan pemimpin-pemimpin baru yang khusus menjadi ketua bagi memimpin dan menjalankan persatuan-persatuan itu. Ujudnya pemimpin-pemimpin sukarela ini adalah hasil daripada adanya pertubuhan-pertubuhan ini atau dengan lain-lain perkataan persatuan atau pertubuhan-pertubuhan itulah yang melahirkan pemimpin-pemimpin ini. Pemimpin-pemimpin persatuan-persatuan ini merupakan pemimpin-pemimpin kecil dimana kuasa dan pengaroh mereka adalah berkisar di dalam dan di-sekitar persatuan-persatuan itu sahaja.

Kalau dilihat daripada enam buah persatuan yang dikaji itu, didapati pemimpin-pemimpin pada ahli-ahli persatuan-persatuan ini adalah dimaksudkan kepada ketua-ketua dalam persatuan-persatuan itu. Ketua-ketua itu ada merupakan pengerusi, naib pengerusi, setiausaha dan juga ahli-ahli jawatankuasa lainnya. Mereka inilah yang dipilih oleh ahli-ahli dan diberi kepercayaan untuk memimpin persatuan itu amnya dan ahli-ahli khasnya. Pemilihan ketua-ketua yang nanti akan menjadi pemimpin persatuan-persatuan itu adalah dibuat oleh ahli-ahli menerusi satu undian mengikut suara terbanyak. Satu perkara yang pasti ketua-ketua yang dipilih itu adalah terdiri dari orang-orang yang mempunyai sifat-sifat tertentu yang dipandang tinggi oleh ahli-ahli persatuan-persatuan itu.

Dalam membincangkan berkenaan dengan pemimpin dan kepimpinan ini penulis hanya akan menumpukan kepada pemimpin-pemimpin persatuan peringkat kawasan tempatan Jitra ini sahaja. Ini adalah disebabkan

sebenarnya, maju, aktif atau berjayanya persatuan-persatuan itu banyak terletak pada kebolehan dan kemampuan pemimpin-pemimpin peringkat cawangan tempatan ini. Walaubagaimana pun penulis tidak menafikan tentang pentingnya peranan pemimpin-pemimpin peringkat atas, tetapi dalam melihat persatuan-persatuan sukarela peringkat cawangan Jitra ini maka dirasakan yang pemimpin-pemimpin peringkat bawah ini lebih memainkan peranan penting. Ini adalah disebabkan oleh kedudukan pemimpin-pemimpin ini lebih dekat dengan persatuan itu.

Sebagaimana yang telah diterangkan tadi, iaitu ketua-ketua atau pemimpin-pemimpin itu adalah dipilih oleh ahli-ahli persatuan daripada kalangan ahli-ahlinya sendiri. Walaubagaimana pun di dalam pertubuhan Angkar Wataniah pemimpin itu adalah dimaksudkan kepada ketua-ketua yang memberi latihan yang ditetapkan dan dipilih khas oleh pihak atasan dan mereka ini bukanlah dari kalangan ahli-ahli pertubuhan Wataniah ini. Namun begitu pertubuhan ini masih mempunyai pemimpin-pemimpin dari kalangan ahli-ahli yang dipilih untuk menjadi ketua pertubuhan ini, walaupun ketua-ketua ini pada mereka adalah lebih rendah kedudukannya daripada jurulatih-jurulatih tadi.

Untuk melihat tentang sifat-sifat, latarbelakang atau keistimewaan seseorang itu hingga dipilih untuk menjadi ketua atau pemimpin maka penulis merasakan penting untuk melihat apakah sebenarnya perkara-perkara, keadaan-keadaan atau sifat-sifat yang diharapkan oleh ahli-ahli persatuan ini dari seorang ketua atau pemimpin. Penulis telah memberikan satu senarai yang mengandungi enam sifat-sifat seorang pemimpin dan setiap respondent dibenarkan memilih dua dari sifat-sifat itu yang difikirkan

nya patut dipunyai oleh seorang pemimpin. Daripada 100 respondent yang diberikan 'questionnaire' itu didapati pemilih-pemilih itu seperti di dalam jadual 5.1.

JADUAL 5.1

JADUAL MENUNJUKKAN PEMILIHAN SIFAT-SIFAT YANG DIRASAKAN PATUT DIPUNYAI OLEH SEORANG PEMIMPIN (DARIPADA 100 RESPONDENT YANG DIBENAR MEMILIH DUA DARIPADA ENAM SIFAT-SIFAT YANG DIBERIKAN

| No. | SIFAT-SIFAT PEMIMPIN | Jumlah Bilangan | Peratus |
|---|---|---|---|
| 1. | Mempunyai Pelajaran yang tinggi | 36 | 36% |
| 2. | Kaya atau berkedudukan (status) yang tinggi | 7 | 7% |
| 3. | Rajin dan berkebolehan | 72 | 72% |
| 4. | Pandai bercakap | 30 | 30% |
| 5. | Jujur dan amanah | 39 | 39 |
| 6. | Suka bergaul dan mudah ditemui | 16 | 16% |
| | | 200 | |

Daripada jadual 5.1 ini kita dapati yang seorang pemimpin itu adalah diharapkan mempunyai sifat-sifat yang rajin dan disamping itu mestilah pula ianya seorang yang berkebolehan. Berkebolehan disini dimaksudkan mempunyai pengetahuan atau tahu bagaimana untuk mengendali kerja-kerja persatuan dan juga memimpin. Kita dapati 72% memilih sifat-sifat ini sebagai sifat utama yang harus dipunyai oleh seorang pemimpin itu. Dengan adanya seorang pemimpin yang bersifat begini persatuan itu akan berjalan dengan lancar dimana pemimpin atau ketua itu sentiasa bergiat

dalam usaha untuk mengadakan aktiviti-aktiviti dan sebagainya. Kelemahan seorang pemimpin mungkin akan melemahkan persatuan itu seluruhnya.

Sifat jujur dan amanah merupakan sifat kedua pentingnya, dimana 39% bersetuju sifat ini harus dipunyai oleh seorang pemimpin. Pemilihan sifat jujur dan amanah ini merupakan sifat-sifat yang dinilai tinggi dalam masyarakat. Oleh itu pemimpin-pemimpin itu diharapkan mempunyai sifat-sifat ini di dalam mengendalikan persatuan-persatuan itu. Kejujuran dan beramanah ini penting kerana dengan itu pemimpin-pemimpin itu tidak akan menyalahgunakan kuasa dan kepercayaan yang diberikan kepadanya untuk membimbing persatuan-persatuan itu.

Didapati 36% daripada respondent mahukan pemimpin itu terdiri dari orang-orang yang berpelajaran tinggi. Dengan itu ianya nanti diharapkan dapat menggunakan pengetahuan-pengetahuannya dalam memberikan idea-idea untuk melaksanakan persatuan-persatuan itu. Lagipun faktor pelajaran ini dipandang tinggi kerana orang-orang yang mempunyai pelajaran yang tinggi ini dianggap berkebolehan dan tahu mengendalikan persatuan-persatuan. Oleh itu mereka yang mempunyai pelajaran-pelajaran yang tinggi di dalam persatuan-persatuan itu selalu terpilih untuk menjadi ketua atau pemimpin.

Seorang pemimpin juga diharapkan mempunyai kebolehan atau kepandaian bercakap. Perkara ini adalah sangat penting di dalam persatuan-persatuan dimana ketua-ketua atau pemimpin selalunya diharapkan dapat bercakap di dalam majlis-majlis atau di dalam masa mesyuarat. Sifat-sifat kepimpinan yang baik itu selalu diasaskan kepada kebolehan seorang ketua itu bercakap atau berpidato dengan lancar, juga ketegasan seorang pemimpin itu kadang-kadang diukur dari ketegasannya mengeluarkan idea-idea melalui

University of Malaya

percakapan-percakapan atau ucapan-ucapan.

Kebolehan seseorang pemimpin itu berucap dengan baik dapat mempengaruhi ahli-ahli persatuan itu. Dengan adanya pemimpin yang bijak bercakap ini, ahli-ahli persatuan akan lebih tertarik dan senang dipengaruhi oleh pemimpin-pemimpin itu untuk menjalankan aktiviti-aktiviti persatuan. Oleh itu kita dapati 30% daripada respondent memilih faktor pandai bercakap ini sebagai satu sifat yang mereka harapkan dari seorang pemimpin, dan mereka berpendapat pemimpin atau ketua-ketua yang pandai bercakap lebih memberi semangat kepada persatuan-persatuan itu dibandingkan dengan setengah-setengah pemimpin yang tidak pandai berucap.

Sifat seorang pemimpin yang suka bergaul selalunya akan menunjukkan atau mengujudkan hubungan-hubungan yang rapat dengan ahli-ahli persatuan setelah ia dipilih menjadi ketua. Kejayaan-kejayaan seorang pemimpin itu banyak ditentukan dari peringkat awal hubungannya dengan ahli-ahli. Jika sejak awal ia menunjukkan sikap beramah mesra dan bergaul dengan ahli-ahli, maka hal ini akan mempengaruhi sikap ahli-ahli dalam memberi kerjasama terhadap pemimpin-pemimpin itu. Oleh itu selalunya didapati seseorang pemimpin yang suka bergaul dengan luas itu mendapat sokongan yang kuat dan disukai oleh ahli-ahli.

Setengah-setengah pemimpin amat susah untuk ditemui atau untuk berjumpa dengannya adalah amat susah. Ini mungkin disebabkan oleh kedudukan atau pekerjaannya, tetapi faktor suka bergaul dan mudah ditemui ini, kalau dilihat daripada jadual 5.1 tadi tidaklah begitu dipentingkan disini kerana cuma 16% sahaja yang memilih sifat-sifat ini. Walau bagaimanapun sifat ini masih diperlukan bagi seorang pemimpin itu untuk

University of Malaya

menjadi seorang pemimpin yang baik di dalam persatuan-persatuan ini.

Daripada jadual 5.1, kalaulah dilihat kepada 7% yang bersetuju sifat-sifat seorang pemimpin itu harus kaya dan berkedudukan (status) yang tinggi maka dapat dirumuskan bahawa faktor ini tidaklah begitu penting pada anggapan penduduk disini. Faktor kekayaan dan kedudukan tinggi seorang pemimpin ini selalunya akan mengujudkan bentuk hubungan yang tidak begitu rapat dengan ahli-ahli lain yang kedudukan atau statusnya tidak begitu tinggi. Mereka menganggap adanya hubungan yang agak 'personal' antara ahli-ahli dengan pemimpin akan menimbulkan sikap bekerjasama yang lebih baik.

Seorang pemimpin itu bukanlah sesuatu yang asing, sewarasi atau dilahirkan dengan sifat-sifat yang unique. Ianya merupakan pemimpin satu-satu kumpulan dan gelaran pemimpin itu adalah hanya didasarkan pada fungsi hubungannya dengan persatuan itu. Peranan-peranan yang dimainkannya dalam menentukan corak perjalanan persatuan-persatuan itu menjadikan ianya pemimpin. Dia menjadi pemimpin bukan kerana ianya pandai, mempunyai bakat (kebolehan) atau sifat-sifat semula jadinya yang baik tetapi kepandaian, kebolehan dan sifat-sifat semula jadi yang baik itu dipandang sebagai mustahak dan penting oleh ahli-ahli persatuan itu. Ia merupakan pemimpin bukan kerana bentuk tubuh badannya, cara pakaiannya, kelancaran pertuturannya atau kerana latarbelakang 'socio-economic'nya yang tinggi tetapi kerana faktor-faktor ini mempengaruhi ahli-ahli persatuan itu dalam membuat anggapan bahawa hal ini amat penting bagi seorang pemimpin.

see notes moved of orga

(iv) <u>Golongan-golongan Yang Menjadi Pemimpin</u>

Setelah melihat sifat-sifat yang diharapkan oleh ahli-ahli dari seorang pemimpin tadi, penulis atau cuba memerhati tentang golongan

manakah di dalam persatuan-persatuan itu yang menjadi pemimpin-pemimpin. Daripada enam buah persatuan-persatuan sukarela ini penulis telah memilih 10 orang ketua-ketua persatuan-persatuan itu dan melihat tentang kedudukan mereka dari segi umor, pekerjaan, latarbelakang pelajaran dan latarbelakang keluarga yang mungkin merupakan faktor-faktor penting yang menjadi mereka pemimpin.

Umor

Dilihat dari segi umor, boleh dikatakan yang pemimpin-pemimpin itu terdiri mereka-mereka yang berumor lebih daripada 20 tahun. Walaupun persatuan-persatuan ini mempunyai ahli-ahli yang di bawah umor 20 tahun tetapi didapati tidak ada pemimpin-pemimpin itu yang berumor di bawah 20 tahun. Hal ini mungkin disebabkan oleh anggapan yang golongan ini masih muda dan kurang pengalaman untuk memimpin ahli-ahli yang lebih tua daripada mereka. Taboran umor pemimpin-pemimpin persatuan-persatuan ini adalah seperti jadual 5.2.

JADUAL 5.2

JADUAL MENUNJUKKAN TABORAN PEMIMPIN-PEMIMPIN PERSATUAN MENGIKUT UMOR

| Umor | Bilangan Pemimpin | Peratus |
|---|---|---|
| 16 - 20 | 0 | 0% |
| 21 - 25 | 3 | 3% |
| 26 - 30 | 4 | 40% |
| 31 - 35 | 1 | 10% |
| 36 - 40 | 1 | 10% |
| 41 dan lebih | 1 | 10% |
| | 10 | 100% |

University of Malaya

Golongan pemimpin paling ramai (40%) adalah terdiri daripada mereka yang berumor antara 26 hingga 30 tahun. Perkara ini disebabkan oleh kerana golongan ini telah lama memasoki persatuan-persatuan ini dan dianggap mempunyai pengalaman-pengalaman tertentu. Sementara itu 3% datangnya dari golongan yang berumor antara 21 hingga 25 tahun. Ini berpunca dari kesedaran untuk memilih pemimpin-pemimpin muda yang mempunyai kebolehan dan mempunyai latarbelakang pelajaran yang agak tinggi.

Pekerjaan

Golongan guru-guru merupakan golongan yang ramai menjadi pemimpin-pemimpin persatuan ini, iaitu 5 daripada 10 pemimpin-pemimpin persatuan-persatuan itu. Ini berpunca dari ramainya penyertaan golongan guru di dalam persatuan-persatuan sukarela ini ditambah dengan pandangan yang menganggap golongan guru-guru ini mempunyai kebolehan-kebolehan di dalam kerja-kerja mengurus dan memimpin persatuan dan ahli-ahlinya. Pengalaman mereka di dalam bidang pendidikan di sekolah dianggap dapat menolong mereka di dalam membimbing ahli-ahli persatuan ini. Dalam pada itu pekerjaan guru itu sendiri membawa pengaroh yang agak kuat terhadap penduduk-penduduk kawasan ini.

University of Malaya

JADUAL 5.3

JADUAL MENUNJUKKAN TABURAN PEMIMPIN-PEMIMPIN DIKELASKAN MENGIKUT PEKERJAAN PEMIMPIN-PEMIMPIN ITU

| No. | Pekerjaan | Bilangan | Peratus |
|---|---|---|---|
| 1. | Guru | 5 | 50% |
| 2. | Pembantu pejabat | 1 | 10% |
| 3. | Suri rumah tangga | 1 | 10% |
| 4. | Kerani | 2 | 20% |
| 5. | Bersara (Badan Polis) | 1 | 10% |
| | | 10 | 100% |

Latarbelakang Pelajaran

JADUAL 5.4

JADUAL YANG MENUNJUKKAN PERKAITAN LATARBELAKANG PELAJARAN DENGAN PEMIMPIN

| No. | Latarbelakang Pelajaran | Bilangan Pemimpin | Peratus |
|---|---|---|---|
| 1. | Tidak pernah bersekolah | 0 | 0% |
| 2. | Pelajaran sekolah rendah | 1 | 10% |
| 3. | Tingkatan 3 | 1 | 10% |
| 4. | Tingkatan 5 | 3 | 30% |
| 5. | Tingkatan 6/Maktab | 5 | 50% |
| | | 10 | 100% |

Pemimpin-pemimpin seperti yang telah disebut tadi, lebih

University of Malaya

menghendaki sifat-sifat pengetahuan yang lebih tinggi. Oleh itu kita dapati daripada jadual 5.4 ini 80% daripada pemimpin-pemimpin persatuan ini mendapat pelajaran hingga ketingkatan lima dan lebih. Faktor latar-belakang pelajaran ini menampakkan kesan yang lebih daripada faktor pekerjaan, lebih tinggi latarbelakang pelajaran seseorang itu lebih besar kemungkinan ianya dipilih menjadi pemimpin. Ini dapat diperhatikan iaitu hanya hanya 20% sahaja daripada mereka-mereka yang berkelulusan tingkatan 3 dan ke bawah yang dipilih menjadi pemimpin-pemimpin persatuan ini.

Latarbelakang Keluarga

Dilihat dari sudut latarbelakang keluarga pemimpin-pemimpin ini, kita dapati pemimpin-pemimpin itu ada yang masih bujang dan juga telah berumahtangga dan mempunyai anak. Faktor tanggongjawab terhadap keluarga ini tidak menyekat seseorang itu untuk bergiat di dalam persatuan-persatuan. Daripada 10 orang pemimpin-pemimpin persatuan-persatuan sukarela tadi di-dapati 7 daripadanya adalah mereka-mereka yang telah berumahtangga, sementara 3 lagi masih bujang. Apa yang dapat dilihat disini adalah faktor tanggong-jawab terhadap keluarga/anak-anak adalah tidak menghalang seseorang itu menjadi pemimpin dalam persatuan-persatuan ini. Malah dalam persatuan-persatuan ini 70% daripada pemimpin adalah yang telah berumahtangga.

Daripada 10 orang pemimpin-pemimpin ini penulis cuba melihat sikap-sikap ahli keluarga mereka terhadap kegiatan mereka menjadi pemimpin-pemimpin dan terpaksa menghabis banyak masa dengan persatuan-persatuan ini. Bagi pemimpin-pemimpin yang telah berumahtangga dilihat sikap daripada isteri/suami serta anak-anak dan bagi yang belum

berkahwin (sama tinggal bersama dengan keluarga) dilihat pada pandangan keluarganya. Kesemua pemimpin-pemimpin itu baik yang berkahwin atau yang bujang memberi jawapan yang tidak adanya tentangan dari ahli-ahli keluarga dan tidak ada pula yang memberikan sokongan atau galakan-galakan. Semuanya terpulang kepada kehendak mereka sendiri.

Lain-lain faktor seperti sex dan latarbelakang ekonomi misalnya tidak akan diperhatikan kerana masaalahnya setengah-setengah persatuan itu hanya dianggotai oleh orang-orang lelaki atau hanya untuk perempuan semata-mata. Tapi walaubagaimana pula daripada pemerhatian yang dibuat, pemimpin-pemimpin (ketua) persatuan-persatuan yang dianggotai oleh lelaki dan perempuan itu semuanya dipimpin oleh lelaki. Hal ini mungkin kerana peratus penyertaan lelaki yang lebih besar dan anggapan yang kaum lelaki lebih berkebolehan di dalam kepimpinan dibandingkan dengan perempuan.

Latarbelakang kedudukan ekonomi juga tidaklah begitu penting kerana hal ini boleh dilihat daripada jenis-jenis pekerjaan pemimpin-pemimpin itu. Berdasarkan pada jenis pekerjaan-pekerjaan pemimpin-pemimpin (Jadual 5.3) dapat dikatakan kedudukan mereka agak mewah dan senang. Mungkin hal ini juga mempengaruhi sikap mereka bergiat dalam persatuan-persatuan itu kerana mereka tidak lagi bimbang atau terpaksa menghadapi masaalah-masaalah kewangan dan sebagainya.

(v) <u>Kursus-kursus Pemimpin</u>

Menyedari hakikat bahawa pemimpin-pemimpin atau ketua-ketua persatuan adalah penting dalam menentukan corak perjalanan persatuan persatuan itu, maka kerajaan telah mengadakan daya usaha untuk memberi

kursus-kursus bagi pemimpin-pemimpin dan juga kursus-kursus ini diharapkan dapat mengujudkan lebih ramai pemimpin-pemimpin baru dan berkaliber dikalangan belia-belia terutamanya. Kursus-kursus ini diberikan dengan tujuan untuk mengujudkan lebih ramai pemimpin-pemimpin disamping memberi latihan-latihan tentang tugas-tugas, tanggongjawab dan cara-cara mengendalikan persatuan-persatuan.

Kursus pemimpin ini telah banyak diadakan terutamanya dalam pertubuhan-pertubuhan belia. Pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan negeri Kedah misalnya telah beberapa kali menganjurkan kursus-kursus pemimpin ini, baik diperingkat daerah maupun diperingkat negeri. Kursus-kursus ini diadakan dalam masa yang singkat, selalunya tidak lebih daripada seminggu. Dengan adanya kursus-kursus ini ahli-ahli persatuan Belia di Jitra ini baik dari 4B maupun MAYC akan berpeluang mengikut kursus-kursus pemimpin yang diberikan secara percuma itu.

Disebabkan oleh selalunya kursus-kursus itu merupakan kursus yang dikhaskan bagi banyak persatuan-persatuan belia, maka setiap persatuan itu hanya diberi peluang menghantar antara 2 hingga 5 peserta sahaja. Dalam pemilihan ahli-ahli untuk dihantar ke kursus-kursus itu, selalu timbul masaalah-masaalah. Setengah-setengah ahli atau pemimpin persatuan-persatuan belia ini tidak dapat menghadiri kursus-kursus itu disebabkan oleh pekerjaan-pekerjaan mereka. Oleh itu selalunya belia-belia yang menganggur dan yang bekerja sendiri mendapat peluang-peluang ini.

Bagi ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin persatuan yang mempunyai kerja tetap agak susah untuk mendapat peluang berkursus ini,

University of Malaya

terutama yang memakan waktu yang panjang. Kadangkala didapati persatuan-persatuan ini terpaksa menghantar ahli-ahli yang kurang berminat, dan apabila peluang dari berkursus ini mereka ini tidak dapat menggunakan pelajaran dari kursus-kursus itu untuk kemajuan persatuan. Walaubagaimana pun hal ini tidaklah begitu menjadi masalah yang berat, kerana dengan itu sekurang-kurangnya mereka-mereka yang pernah mengikut kursus-kursus ini mendapat sedikit sebanyak pengetahuan mengenai tugas-tugas mereka di dalam organisasi-organisasi itu.

Kursus pemimpin ini, selalunya mahukan peserta-peserta itu datangnya dari setiap peringkat dalam persatuan itu. Dengan itu akan didapati ramai ahli-ahli persatuan itu yang berkebolehan untuk menjadi pemimpin. Hal ini adalah penting kerana setengah-setengah pemimpin itu akan meninggalkan persatuan-persatuan itu kerana berpindah ketempat lain atau kerana masalah umor yang telah melebihi daripada lingkungan umor yang ditetapkan oleh persatuan-persatuan itu. Bila keadaan ini timbul persatuan itu tidak akan mengalami masaalah tiada berpemimpin kerana ramai yang telah pernah dilatih untuk menjadi pemimpin melalui kursus-kursus pemimpin tadi. Kursus-kursus yang diberikan itu akan menimbulkan kebolehan-kebolehan kepimpinan.

Selain daripada kursus-kursus seperti yang disebutkan tadi, diadakan juga kursus yang khas untuk pemimpin-pemimpin persatuan sahaja. Dalam hal ini selalunya ketua-ketua persatuan itulah yang menghadirinya. Kursus-kursus ini memakan masa tidak lebih dari sehari. Tujuan kursus-kursus seperti ini adalah untuk memberi pertunjuk-pertunjuk kepada pemimpin-pemimpin persatuan itu mengenai tanggongjawab dan cara-

cara menjalankan persatuan dengan lebih licin dan terator. Sebagai misalan adanya kursus-kursus sivik untuk ketua-ketua unit pertubuhan RELA Daerah, atau untuk pemimpin-pemimpin pasokan pengakap dan sebagainya. Dalam hal ini kerajaan dapat mempengarohi pemimpin-pemimpin itu supaya segala aktiviti-aktiviti persatuan mereka diselaraskan dengan kehendak-kehendak negara.

Kursus-kursus pemimpin yang diadakan oleh pihak kerajaan ini adalah seluruhnya bertujuan untuk memberikan semangat ber-tanggongjawab dan menjalankan aktiviti-aktiviti mengikut lunas-lunas yang tertentu agar aktiviti-aktiviti persatuan itu tidak menyeleweng dari dasar kerajaan atau membahayakan kedudukan negara. Untuk memberi kursus-kursus seperti ini kepada semua ahli-ahli persatuan-persatuan adalah tidak mungkin kerana bilangan mereka yang terlalu ramai, tetapi pemimpin-pemimpin inilah diharapkan nanti dapat menyebarkan pengetahuan-pengetahuan ini kepada ahli-ahli persatuan mereka.

# BAB 6

# KESIMPULAN

## Penilaian Terhadap Penyertaan Dan Aktiviti-Aktiviti Di Dalam Pertubuhan-Pertubuhan Sukarela

Penubuhan persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan sukarela sebagai satu usaha yang bertujuan untuk membolehkan individu-individu di dalam masyarakat bergiat atau menjalankan kerja-kerja kebajikan secara beramai-ramai atau berkumpulan (collective) adalah merupakan satu usaha yang patut diberikan penghargaan yang tinggi. Pertubuhan-pertubuhan itu disamping menjalankan aktiviti-aktiviti kebajikan, dapat pula berfungsi sebagai suatu alat perpaduan yang boleh menimbulkan sifat-sifat kerjasama dikalangan ahli-ahli persatuan itu. Di dalam masyarakat terutama dimana keadaan hubungan antara individu-individu di dalamnya sudah agak longgar, persatuan-persatuan ini dapat memainkan peranan sebagai alat perpaduan.

Sebagaimana yang kita lihat, persatuan-persatuan serupa ini lebih banyak lahir dan berkembang dikawasan-kawasan bandar. Hal ini adalah amat cocok dengan keadaan bandar itu sendiri yang sebenarnya memang amat memerlukan pertubuhan-pertubuhan seperti ini.

> "with a growth of a cash economy and the drift to town, there is usually a growth of individualism and a breakdown of traditional values and customs. The new towns are for a long time mere agglomerations of people without any civic consciousness or sense of community".[1]

---

[1] Social Welfare in The United Kingdom Dependencies. Great Britain Central Office of Information - Reference Division, London Feb. 1960.

Di kawasan-kawasan bandar dan bandaran kecil seperti Jitra ini memang memerlukan lebih banyak persatuan-persatuan sukarela seperti ini. Keadaan-keadaan dimana masyarakat mula berpecah dan timbulnya sifat-sifat individualistik boleh diatasi dengan adanya persatuan-persatuan ini. Persatuan-persatuan ini sekurang-kurangnya dapat membentuk satu jenis hubungan baharu dimana adanya perasaan dikalangan ahli-ahli persatuan ini yang mereka adalah tergolong di dalam satu jenis kumpulan atau persatuan. Hubungan-hubungan di dalam persatuan ini akan membawa pula kepada hubungan-hubungan di dalam masyarakat seluruhnya.

Penulis tidak menafikan yang pertubuhan seperti ini juga terdapat dikampong-kampong terutamanya persatuan-persatuan belia dan perkumpulan wanita. Pertubuhan-pertubuhan ini dikampong-kampong tidaklah begitu mustahak dalam ertikata untuk perpaduan dan penyatuan masyarakat, kerana adanya nilai-nilai dan adat yang masih agak kuat dalam masyarakat itu untuk mengujudkan perpaduan dan kerjasama antara penduduk-penduduknya. Disini persatuan-persatuan itu lebih merupakan kumpulan-kumpulan yang diharapkan dapat menjadi contoh kepada masyarakat di dalam mempelajari dan menerima kemajuan-kemajuan moden.

Di dalam bab 3 telah dicatitkan tentang pertubuhan-pertubuhan sukarela di Jitra ini dengan penyertaan-penyertaan daripada penduduk-penduduk kawasan ini. Kita dapati golongan yang ramai adalah dari kalangan yang berumur antara 21 hingga 30 tahun. Berdasarkan kepada lingkungan umur ini, kita dapat katakan yang golongan inilah merupakan kumpulan orang-orang yang masih muda dan aktif. Dengan ramainya golongan yang berumur antara 21 hingga 30 tahun ini di dalam persatuan-

persatuan itu, dapatlah mengurangkan atau menghindarkan timbulnya kumpulan-kumpulan haram atau golongan-golongan pelampau yang boleh membimbangkan ketenteraman negara. Dengan menyertai pertubuhan-pertubuhan sukarela ini, mereka tidak lagi memikirkan tentang menubuh atau memasuki kumpulan-kumpulan yang membahayakan, karena masa lapang, dan perasaan berkeinginan untuk berkumpulan telah disalurkan kepersatuan-persatuan sukarela tadi.

Aktiviti-aktiviti persatuan-persatuan ini yang secara tidak langsung memang diatur oleh badan-badan khas yang dibentuk oleh kerajaan bagi mengawasi persatuan-persatuan ini. Tujuannya adalah agar segala aktiviti-aktiviti itu dapat menimbulkan sifat-sifat bertanggongjawab dan menanam semangat atau perasaan cintakan negara. Bagitu juga dengan displin-displin tertentu yang dikenakan di dalam persatuan-persatuan seperti Asykar Wataniah dan pengakap, misalnya dapat membentuk ahli-ahli ini menjadi warganegara yang berguna. Daripada displin dan perasaan cintakan negara yang ditanam kepada ahli-ahli persatuan itu sekurangkurangnya dapat menghindarkan golongan ini daripada melakukan perkaraperkara jenayah misalnya.

Penyertaan atau memasuki persatuan-persatuan ini patut diberikan galakan yang lebih memandangkan kepada betapa persatuan-persatuan ini dapat membawa faedah-faedah yang besar untuk negara. Disamping didikan atau pelajaran untuk ahli-ahli, persatuan-persatuan sukarela seperti Rela dan Wataniah dapat menjadi satu tenaga penting di dalam mengawal ketenteraman. Anggota-anggota rela yang secara sukarela

berkhidmat untuk menjaga anasir-anasir jahat termasuk menjaga atau mengawal merebaknya masaalah penyalahgunaan dadah adalah merupakan satu khidmat yang baik. Begitu juga dengan persatuan-persatuan yang lain itu, tidak kurang memberi khidmat-khidmat sukarela mereka untuk masyarakat tempatan.

Penulis berpendapat yang galakan patut dipergiatkan untuk menambahrancakkan penyertaan golongan-golongan muda yang menganggur kedalam persatuan-persatuan sukarela ini. Daripada apa yang dicatitkan di dalam bab 3, iaitu hanya 14% penyertaan golongan-golongan yang menganggur kedalam persatuan-persatuan ini. Perkara ini seharusnya dipandang berat kerana golongan-golongan muda yang menganggur ini boleh menimbulkan perkara-perkara yang membahayakan. Perasaan hampa kerana tidak mendapat pekerjaan ditambah dengan kebosanan hidup menganggur ini boleh menjerumuskan mereka kearah melakukan perkara-perkara yang membahayakan. Oleh itu kerajaan harus berusaha untuk memberikan galakan-galakan kepada golongan ini supaya mereka turut serta di dalam persatuan-persatuan sukarela ini.

Sebagaimana yang telah dibincangkan di dalam bab 4 berkenaan dengan aktiviti-aktiviti persatuan-persatuan itu, terdapat aktiviti-aktiviti yang boleh menolong belia-belia yang menganggur ini. Aktiviti-aktiviti seperti pertanian, ternakan dan sebagainya yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan seperti Belia 4B dan MAYC misalnya dapat sedikit sebanyak menolong masaalah pengangguran ini. Disamping perubahan kerajaan untuk 'mengadakan pekerjaan-pekerjaan baharu lebih daripada 3% setahun, dan dengan demikian mengekalkan keadaan pengangguran tidak lebih

dari 7.3% daripada tenaga buroh Malaysia;[2] persatuan-persatuan ini dapat menolong secara tidak langsung memberikan pekerjaan kepada belia-belia ini melalui projek-projek tadi.

Dari apa yang diperhatikan tentang aktiviti-aktiviti ini dapat kita katakan yang ianya memang membawa banyak kebaikan-kebaikan. Apa yang harus dibuat adalah melebihkan usaha agar projek-projek itu dapat dijalankan dengan cara yang lebih berkesan. Projek-projek seperti tanaman dan ternakan atau pun perniagaan misalnya harus diberikan keutamaan pada ahli-ahli yang menganggur mengerjakannya sendirian disamping projek-projek bersama persatuan itu. Kerajaan harus lebih memberikan bantuan terutama menyediakan tanah dan modal-modal lagi bagi ahli-ahli ini. Kalau dilihat dalam masa sekarang ini kerajaan memang bersedia untuk memberikan kemudahan-kemudahan itu, tetapi langkah pertama haruslah datang dari ahli-ahli sendiri. Oleh itu diharapkan pemimpin-pemimpin persatuan harus bergiat untuk menggalakkan usaha-usaha seperti ini kepada ahli-ahli persatuan mereka.

Penyertaan di dalam persatuan-persatuan dan aktiviti-aktiviti pertubohan Askar Wataniah dan Rela misalnya memberikan banyak manafaat pada negara. Pertubuhan Askar Wataniah ini disamping dapat memberikan pengetahuan dan pelajaran ketenteraan pada ahli-ahlinya dapat pula memberikan jaminan untuk tenaga pertahanan dimasa-masa kecemasan dan dharurat. Semangat sukarela untuk sama-sama mempertahankan negara dalam

---

[2]Rancangan Malaysia Kedua 1971 - 1975 (Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, m.s. 59.

bentuk ketenteraan patut digalakkan dengan lebih luas lagi. Lebih ramai tenaga-tenaga sukarela dalam bidang ini lebih memberikan jaminan tentang tenaga pertahanan disamping tenaga dari pasukan-pasukan tentera.

Elaun-elaun yang diberikan untuk ahli-ahli sukarela Asykar Wataniah ini memang baik sekali, kerana ianya dapat menjadi sebagai salah satu dari daya tarikan untuk menyertai pertubuhan ini. Elaun-elaun itu walaupun tidak begitu besar jumlahnya memang berpatutan dan dapat memberikan rasa kepuasan kepada ahli-ahli pertubuhan ini. Pertubuhan Asykar Wataniah ini dapat mengurangkan perbelanjaan negara dengan cara berfungsi sebagai tenaga tambahan dalam bidang pertahanan negara dan berkhidmat secara sukarela. Latihan-latihan ketenteraan yang didapati oleh ahli-ahli persatuan ini hasil dari tujuan untuk memenuhi masa-masa lapang mereka dapat nanti dipergunakan bila negara memerlukan tenaga-tenaga tambahan dalam bidang ketenteraan.

Pasukan Ikatan Relawan Raayat atau Rela ini dilihat dari tujuan-tujuan yang adalah amat baik sekali. Mereka ini diberikan tugas yang hampir sama dengan tugas-tugas polis iaitu mengawal dan menjaga keamanan ditempat masing-masing. Pengawalan serupa ini adalah amat berkesan kerana golongan Rela ini adalah terdiri daripada orang-orang tempatan. Hubungan mereka dengan masyarakat setempat adalah sangat rapat, oleh itu mereka lebih tahu selokbelok dalam masyarakat itu dan dengan itu mereka boleh menjalankan tugas dengan lebih sempurna. Memandangkan kepada tugas-tugas dan tujuan Rela ini adalah difikirkan yang mereka ini haruslah diberikan latihan-latihan yang lebih sempurna, guna untuk menambahkan lagi kecekapan mereka dalam menjalankan tugas-tugas ini.

Dilihat kepada peranan-peranan yang dapat dimainkan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela ini untuk kebaikan masyarakat setempat dan negara an, juga untuk kebaikan ahli-ahli itu sendiri maka amat sesuai dan mustahak sekali kerajaan menambahkan usaha-usaha untuk memajukan lagi persatuan-persatuan ini. Kerajaan boleh menggunakan misalnya alat-alat sebaran am dengan cara yang lebih luas untuk memberi penerangan-penerangan yang nanti dapat menarik lebih ramai penduduk-penduduk menyertai pertubuhan-pertubuhan ini. Sekarang ini agak ramai penduduk-penduduk yang masih belum tahu dan sedar tentang pentingnya pertubuhan-pertubuhan ini dan bagaimana ianya dapat mendatangkan kebaikan-kebaikan kepada mereka.

Aktiviti-aktiviti pertubuhan-pertubuhan ini haruslah dalam bentuk yang sesuai dengan masyarakat tempatan. Walaupun pertubuhan-pertubuhan ini sebenarnya mempunyai tujuan-tujuan tertentu, tetapi tidak bermakna tujuan itu hanya boleh dicapai melalui satu cara sahaja dan dengan itu adalah dicadangkan supaya setiap aktiviti itu disusun dan dijalankan mengikut selera atau kehendak penduduk-penduduk dari masa kesemasa. Untuk mengelakkan masaalah makin berkurangannya ahli-ahli persatuan dari masa kesemasa maka haruslah diperhatikan tentang aktiviti-aktiviti persatuan-persatuan itu supaya ianya sesuai dengan kehendak-kehendak penduduk tempat pada sesuatu masa itu. Langkah yang mula dijalankan oleh pasukan pengakap seperti kata Timbalan Pengerusi Persatuan Pengakap-pengakap Malaysia Senator Kamarul Ariffin bin Mohamad Yassin, "....we are trying to make scouting an intresting movement to suit local needs"[3] adalah amat sesuai sekali dalam usaha untuk menambah

---

[3]Lihat Akhbar <u>The Malay Mail</u>, Friday, October 24, 1975.

ramaikan penyertaan di dalam persatuan-persatuan ini.

Selain daripada mengadakan aktiviti-aktiviti yang menarik dan sesuai dengan kehendak-kehendak tempatan, usaha-usaha untuk menarik lebih ramai orang menyertai persatuan-persatuan ini boleh dibuat dengan cara memberikan keistimewaan-keistimewaan tertentu orang-orang yang memasuki persatuan-persatuan ini. Keistimewaan itu boleh diberikan dalam berbagai cara, dan tegasnya kerajaan harus menampakkan kepada orang ramai yang ahli-ahli persatuan ini mendapat layanan, keutamaan dan keistimewaan tertentu yang diberikan oleh kerajaan. Ini sedikit sebanyak dirasakan dapat menarik orang ramai menyertai persatuan-persatuan itu kerana adanya keistimewaan-keistimewaan yang mereka lihat dalam persatuan-persatuan itu.

Menyentuh tentang setakat mana aktiviti-aktiviti dan persatuan-persatuan itu seluruhnya dapat mencapai matlamat dan tujuan-tujuannya, maka kita terpaksa melihat tentang masaalah-masaalah kepimpinan. Soal pemimpin dan kepimpinan di dalam persatuan-persatuan sukarela ini adalah penting kerana pemimpin-pemimpin itu adalah merupakan salah satu daya pengerak persatuan yang penting. Pemimpin-pemimpin dalam persatuan-persatuan ini sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab 5 dipilih oleh ahli-ahli persatuan-persatuan itu sendiri dari kalangan ahli-ahlinya. Disebabkan pemimpin-pemimpin ini merupakan pemimpin-pemimpin baru dan masih kurang pengalaman, maka kerajaan harus memberikan latihan dan kursus-kursus tertentu supaya mereka dapat menggunakan bakat kepimpinan itu dengan lebih baik lagi.

Bila adanya usaha-usaha kerajaan yang mengambil perhatian berat atas pemimpin-pemimpin ini, maka dengan sendirinya akan lahir perasaan lebih bersemangat pemimpin-pemimpin itu untuk memimpin dan memajukan persatuan-persatuan mereka. Lebih banyak anjuran kursus-kursus pemimpin akan lebih dirasai yang kerajaan-kerajaan memberikan penghargaan dan perhatian yang lebih pada mereka dan dengan itu juga bererti lebih banyak pengalaman-pengalaman yang akan didapati oleh pemimpin-pemimpin ini daripada kursus-kursus tersebut.

Pemimpin-pemimpin 'professional'[4] haruslah diperbanyakan atau ditambah selaras dengan pertambahan bilangan ahli-ahli persatuan-persatuan sukarela ini. Pemilihan terhadap pemimpin-pemimpin professional ini atau kakitangan kerajaan yang mengelolakan pertubuhan-pertubuhan tadi harus dipilih daripada orang-orang yang memang mempunyai pengetahuan dan minat di dalam persatuan-persatuan itu disamping kelayakan akademiknya. Sebagai contoh jawatan pegawai Belia, Sukan Daerah yang memangnya mempunyai minat di dalam pertubuhan-pertubuhan belia dapat memimpin persatuan-persatuan itu dengan cara yang sangat memuaskan. Walaubagaimana pun bilangan pemimpin-pemimpin 'professional' ini harus ditambah keperingkat yang lebih memuaskan. Misalnya pertubuhan-pertubuhan Pengakap hanya mempunyai dua orang pemimpin professional untuk memimpin lebih kurang 74,000 pengakap diseluruh Malaysia.[5] Perkara ini merupakan sesuatu yang

---

[4]Pemimpin badan-badan sukarela yang mana dibayar gaji untuk perkhidmatan mereka.

[5]Lihat Akhbar The Malay Mail, Saturday, November 1, 1975.

tidak seimbang dan akan mengurangkan kelancaran perjalanan kumpulan ini.

Sebagai rumusan bolehlah dikatakan yang pemimpin-pemimpin baik 'professional' atau pemimpin tempatan adalah sangat mustahak dan kedua-duanya mempunyai kaitan yang rapat dalam usaha untuk memajukan persatuan-persatuan itu. Akhirnya penulis berharap akan timbul lebih banyak lagi persatuan-persatuan sukarela seumpama ini dan bertambahnya bilangan orang-orang yang memasuki persatuan, ini akan mengujudkan satu masyarakat yang lebih dinamis dan saling bekerjasama melalui hubungan-hubungan yang baik untuk menjalankan kerja-kerja sosial dan kebajikan dengan secara berkumpulan (collective).

University of Malaya

# BIBLIOGRAFI

1. William Erbe, "Social Involvement and Poltical Activity" dalam American Sociological Review, 29, No. 2 April 1964.

2. D. Paul Chowdhry, Voluntary Social Welfare In India, (Sterling Publishers (P) Ltd. New Delhi) 1971.

3. Madeline Rooff, Voluntary Societies and Social Policy, (Routledge and Kegan Paul Ltd. London) 1957.

4. Johar bin Haji Nor, Angkar Watanish Malaysia - Peranannya Ditinjau Dari Sudut Ekonomi dan Kestabilan Negara, Kuala Lumpur 1972.

5. James M. Beshers, Urban Social Structure, (The Free Press, New York) 1961.

6. Kathleen Jones, Social Welfare In Malaya, (Donald Moore Ltd. Singapore) 1958.

7. S. Ahmad Hussein, "Struktur Kepimpinan Di Dalam Pembangunan Luar Bandar" dalam Dewan Masyarakat, DBP., Jilid Xlll, Bil. 7, Julai 1975.

8. A.K. Rice, Learning for Leadership, Interpersonal and Intergroup Relations, (Tavistock Publication, London) 1965.

9. Chester Barnard "The Nature of Leadership" dalam Organisation and Management - Selected Papers (Cambridge, Mass, Haward University Press) 1949.

10. Matilda Goldberg and June E. Neill, Social Work In General Practice (George Allen and Unwin Limited, London) 1972.

11. Gardon Hamilton, Theory and Practice of Social Case Work, (Columbia University Press, New York) 1949.

12. Herbert Hewitt Stroup, Social Work - An Introduction To The Field, (American Book Co. New York) (Second Edition) 1960.

13. Social Welfare In The United Kingdom Dependencies, Great Britain, Central Office of Information, Reference Division. London, February 1960.

14. Rancangan Malaysia Kedua 1971 - 1975, Jabatan Cetak Kerajaan,

University of Malaya

15. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur.

16. Akhbar The Malay Mail, October 24, November 1 dan 10, 1975

17. Akhbar Utusan Malaysia, 27 Oktober 1975.

University of Malaya